



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI ISNIN : 01 APRIL 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 9 HINGGA 77)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN  
BAHAROM [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Mohd Johari Bin Baharom [ KUBANG PASU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang Akta SPR 1959 di mana persempadanan baru kawasan Parlimen dan DUN akan dibentangkan. Bila dan apakah faktor-faktor tarikan dan tolakan yang menjadi asas kepada persempadanan berkenaan mengikut komposisi/kepadatan penduduk di sesuatu kawasan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai undang-undang yang bernama Akta SPR 1959, namun demikian Akta Pilihan Raya 1958 adalah menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya. Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian pilihan raya adalah termaktub dalam Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri. Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian pilihan raya tidak ditentukan oleh faktor-faktor tarikan dan tolakan, ini kerana urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan

Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, SPR akan mengguna pakai prinsip-prinsip tersebut dalam urusan persempadanan pada kali ini.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**KAWASAN : SEPANG**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN (SEPANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) mengapakah Kerajaan tidak mahu mengambil alih pentadbiran lebuhraya di negara ini bagi mengelakkan Kerajaan daripada terus membayar pampasan kepada syarikat pemegang konsesi akibat tidak menaikkan kadar tol seperti mana terma perjanjian; dan
- (b) dari tarikh perjanjian hingga kini, berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan bagi setiap pemegang konsesi tol di semua lebuhraya akibat keengganan menaikkan kadar tol dalam masa yang ditetapkan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri, cadangan untuk mengambil alih kesemua lebuh raya yang sedang beroperasi akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan, iaitu dianggarkan melebihi RM400 bilion. Di samping itu, cadangan pengambilalihan ini akan juga dianggap sebagai nasionalisasi yang akan memberi kesan negatif kepada pasaran modal (*capital market*) dan imej Kerajaan di kalangan pelabur terutamanya para pelabur asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pampasan tol yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat konsesi sehingga tahun berakhir 2012 ialah sebanyak RM2.8 bilion.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 11**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil bagi menangani masalah Netbook 1Malaysia yang sering kali dilaporkan rosak sebelum sempat digunakan dan berapakah jangka masa yang diperlukan untuk proses membaik pulih kerosakan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Netbook 1Malaysia yang dibekalkan mempunyai tempoh jaminan selama 1 tahun. Oleh itu, sebarang kerosakan di dalam tempoh jaminan boleh dirujuk terus kepada pusat-pusat perkhidmatan pembekal yang terbabit.

Jangka masa yang diambil untuk membaik pulih Netbook adalah bergantung kepada jenis kerosakan yang berlaku. Jika kerosakan tidak melibatkan sebarang penggantian peralatan maka proses membaik

## **SOALAN NO: 11**

pulih tidak memerlukan tempoh masa yang lama. Namun sekiranya kerosakan melibatkan penukaran peralatan, tempoh masa yang lebih panjang diperlukan sekiranya komponen gantian perlu diimport dari negara luar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan keluasan tanah yang diusahakan oleh syarikat-syarikat perladangan Malaysia di luar Malaysia dengan memberi pecahan keluasan mengikut syarikat, negara asing, dan jenis tanaman.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB – Malaysian Palm Oil Board), pada tahun 2012, terdapat 19 syarikat dari Malaysia yang mengusahakan tanaman sawit di Indonesia dan satu syarikat di Liberia di Afrika Barat. Syarikat-syarikat Malaysia yang terbabit adalah:

### Di Indonesia:

1. Sime Darby Holdings Sdn Bhd
2. FELDA
3. PPB Oil Palms Berhad
4. TH Plantations Berhad
5. KL-Kepong Berhad
6. TSH Resources Sdn Bhd
7. IJM Plantations
8. Southern Keratong Plantations
9. Boustead Estate Agency Sdn Bhd
10. YPJ Oil Palms Sdn Bhd
11. United Plantations
12. Oriental Holdings
13. Perbadanan Pertanian Pembangunan Perak
14. Pertubuhan Peladang Kawasan
15. Wan Hin Plantations Sdn Bhd

16. Batu Kawan Berhad
17. Ahmad Zaki Resources Berhad
18. Delloyd Ventures Berhad
19. Akurjaya Sdn Bhd

Di Liberia di Afrika Barat :

1. Sime Darby Holdings Sdn Bhd

Kementerian tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah keluasan tanah dan jenis tanaman yang diusahakan oleh syarikat-syarikat Malaysia di luar negara. Ini adalah kerana, Kementerian tidak mempunyai kawalan berhubung dengan keputusan syarikat-syarikat perladangan tempatan mengenai pelaburan mereka di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH

TARIKH: 1 APRIL 2014

SOALAN:

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kesukaran untuk mendapatkan pembantu rumah warga asing khususnya Indonesia dan nyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi masalah yang meruncing ini serta adakah Kerajaan menyegerakan pengambilan pembantu rumah warga Myanmar dan Thailand terutamanya yang beragama Islam.

PR-1321-L59588

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kemasukan pembantu rumah Indonesia secara saluran yang betul iaitu melalui aturan Protokol Pindaan 2011 dan dalam masa yang sama Kerajaan juga telah mendapatkan persetujuan Kerajaan Indonesia untuk memantapkan lagi proses

kemasukan pembantu rumah Indonesia dengan memendekkan bilangan hari yang terlibat dalam proses kemasukan tersebut. Bagi memastikan perjalanan proses ini berjalan dengan lancar Kementerian Sumber Manusia sedang mengkoordinasi sesi persefahaman diantara agensi pekerjaan Malaysia (Malaysian Recruitment Agency) dan agensi pekerjaan Indonesia (Indonesian Recruitment Agency).

Tuan Yang Dipertua,

2. Kementerian Sumber Manusia juga sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Cambodia bagi memulakan rundingan untuk membawa masuk pembantu rumah dari Cambodia. Kerajaan Cambodia buat masa ini sedang meneliti cadangan draf MoU yang telah dikemukakan.

3. Kerajaan dalam pada itu juga, turut menggalakkan agar majikan-majikan yang berkemampuan di Malaysia untuk beralih ke negara-negara sumber lain yang menawarkan pembantu rumah berkualiti seperti Filipina dan Sri Lanka, namun majikan di Malaysia lebih memilih calon-calon daripada negara Indonesia disebabkan kebolehan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan adat budaya yang hampir sama dengan orang tempatan.

4. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, Dasar Kerajaan Myanmar adalah tidak membenarkan kaum wanita mereka untuk bekerja di luar negara. Oleh yang demikian, atas dasar tersebut

Kerajaan tidak mengadakan sebarang rundingan secara rasmi dengan Kerajaan Myanmar mengenai pengambilan pembantu rumah Myanmar untuk bekerja di Malaysia dan Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengambil pembantu rumah Islam dari Thailand kerana polisi Kerajaan Thailand yang cenderung rakyatnya melibatkan diri dalam pekerjaan sektor formal.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG**  
**KAWASAN : BAGAN**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada setiap syarikat konsesi tol untuk menunda kenaikan kadar tol tahun ini. Mengapakah penangguhan kenaikan tol tidak dilanjutkan kepada tahun-tahun depan. Nyatakan kos pembinaan dan jumlah yang diterima oleh setiap syarikat sejak lebuhraya masing-masing dibina.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Berdasarkan kepada perjanjian konsensi, setiap lebuh raya layak mendapat kenaikan tol mengikut peruntukan dalam perjanjian konsesi. Sekiranya kenaikan tol berdasarkan perjanjian konsesi tidak dibenarkan, maka Kerajaan perlu membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol pada tahun 2014. Sehubungan dengan ini, anggaran pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan ialah sebanyak RM400 juta kepada 14 syarikat konsesi yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi 'win-win' kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna. Sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur.

Kos pembinaan bagi semua lebuh raya yang sedang beroperasi ialah sebanyak RM39 bilion, manakala jumlah kutipan tol sehingga tahun berakhir 2012 ialah sebanyak RM47 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil kutipan tol yang diterima oleh syarikat-syarikat konsesi akan digunakan untuk tujuan

bayaran balik pinjaman komersil kepada pihak pemberi pinjam dan bank, menampung kos perbelanjaan modal, kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN HAJI HASBIBIN HAJI  
HABIBOLLAH [LIMBANG]**  
**TARIKH** : **1 APRIL 2014 (SELASA)**  
**SOALAN** : **15**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah tindakan dan usaha Kementerian daripada segi pemasaran untuk Projek Penanaman Vanilla yang sudah pun menampakkan hasil di daerah Limbang.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) secara proaktif telah menjalankan penyelidikan berkaitan pertumbuhan tanaman vanilla. Sebuah plot penanaman dan kemudahan penghasilan benih vanilla di sebuah kawasan seluas 3 ekar telah dibangunkan bagi tujuan tersebut. Kemudahan ini dilengkapi dengan sistem teduhan dan sistem penanaman vanilla tanpa tanah (soilless) bagi memastikan pertumbuhan yang baik dan mudah dalam urusan penjagaannya.

Bermula dari tahun 2010, hasil kajian ini telah disalurkan kepada satu komuniti di Kg Merasam, Limbang, Sarawak. Antara objektif projek ini disalurkan kepada pihak komuniti adalah:

- 1) Memindahkan teknologi, pengetahuan dan hasil kajian penanaman vanilla kepada suatu komuniti dan seterusnya membangunkan sebuah projek pre-komersil pertanian yang boleh memberi impak segera kepada komuniti dari aspek pembangunan sosio-ekonomi.
- 2) Membangunkan satu aktiviti ekonomi berasaskan pertanian kepada komuniti luar bandar melalui pelaksanaan projek penanaman produk yang bernilai tinggi seperti vanilla.
- 3) Mengurangkan kos import bahan mentah dari negara luar dengan mewujudkan prasarana penghasilan benih Vanilla.
- 4) Mendedahkan dan memperkenalkan sistem pertanian secara moden dan inovasi untuk diadaptasi oleh komuniti luar bandar.

Projek penanaman vanilla di Limbang telah dijalankan selama 3 tahun dan mula memberikan hasil pada pertengahan tahun 2013. Terdapat beberapa inisiatif telah diambil sebagai strategi pengembangan dan pemasaran bagi projek ini iaitu:

- 1) Nuklear Malaysia telah membantu komuniti bagi menyediakan kemudahan penyediaan benih (nursery) keratan batang vanilla di tapak projek dan alatan pasca tuai. Penyediaan benih yang mencukupi diperlukan bagi meluaskan dan menambahkan lagi bilangan peserta di

kawasan sekitar iaitu di Kg Merasam, Limbang yang berminat menjalankan projek penanaman ini.

- 2) Menerusi program pengkomersilan, pihak Nuklear Malaysia juga telah mengenal pasti dan menjalinkan kerjasama dengan beberapa buah syarikat pengusaha vanila tempatan dan luar negara yang berpengalaman dalam aspek pemasaran sebagai persediaan awal pasaran. Nuklear Malaysia juga akan terus memberikan khidmat nasihat dan garis panduan bagi mengkomersialkan hasil tanaman vanila ini.
- 3) Nuklear Malaysia juga telah mengadakan program latihan seperti latihan pendebungaan untuk penghasilan buah vanila, latihan pengendalian pasca tuai dan latihan penyimpanan tanaman bagi memastikan produk yang dihasilkan mematuhi standard pasaran.

Di samping itu, Nuklear Malaysia juga sedang merancang untuk mengadakan latihan dan kursus penghasilan produk-produk hiliran berasaskan vanila kepada para peserta projek. Diharapkan produk-produk hiliran ini dapat meningkatkan lagi nilai tambah produk-produk vanila yang dihasilkan dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO**  
**KAWASAN : PUCHONG**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah butir-butir terperinci berkenaan pembinaan Lebuh Raya KIDEX, pelan pembinaan dan kos serta masa pembinaannya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi Lebu Raya Kinrara – Damansara atau KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd.

Pada masa kini KIDEX Sdn Bhd. sedang dalam proses untuk memenuhi beberapa syarat *condition precedent* dalam tempoh 12 bulan sebelum perjanjian konsesi berkuat kuasa, iaitu antara lain mengesahkan bukti pembiayaan (*financial close*) kepada Kerajaan, dan mengadakan bancian/tinjauan umum (*public opinion survey*) mengenai sokongan atau bantahan terhadap cadangan pembinaan lebu raya ini.

Sehubungan itu, pelaksanaan projek KIDEX ini tertakluk kepada syarikat konsesi memenuhi *condition precedent* yang telah ditetapkan itu termasuk keputusan dari hasil tinjauan awam berkenaan. Jika tidak ada halangan projek ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2015 dengan tempoh siap pembinaan ialah selama 36 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya**  
**[ Tasek Gelugor ]**  
**TARIKH** : **1.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah elaun guru besar dan pengetua sekolah akan dinaikkan dan berapa jumlah kenaikan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang menyandang jawatan Pengetua menerima elaun Pengetua atas kadar RM150 sebulan dan Guru Besar RM100 sebulan. Mereka juga menikmati gaji, elaun dan kemudahan lain yang lebih tinggi seperti Imbuhan Tetap, Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Perumahan Khas jika menduduki Rumah Khas Jabatan.

Perlu dijelaskan bahawa PPP yang dilantik sebagai Pengetua atau Guru Besar tidak lagi berada dalam norma pembelajaran. Manakala asas pengwujudan elaun ini ialah selain mengajar mereka juga menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan dalam pengurusan sekolah.

Oleh itu, kadar elaun guru besar dan pengetua adalah kekal buat masa ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan berhemah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ [ RAUB ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- a) adakah Kementerian akan meneruskan pembinaan '*cable-cars*' untuk Fraser's Hill di Raub; dan
- b) apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan daya tarikan Fraser's Hill sebagai tempat tumpuan pelancong.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih lagi meneliti kesesuaian cadangan bagi membina kemudahan 'cable-cars' untuk Fraser's Hill di Raub memandangkan sebelum ini Kerajaan Negeri Pahang telah membuat keputusan bahawa tiada sebarang pembangunan baru melibatkan infrastruktur di Fraser's Hill untuk mengekalkan imej dan suhu kawasan tanah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 4.07 juta bagi pembangunan Parks & Garden dan menaiktaraf lanskap dan taman-taman di Fraser's Hill bagi mengekalkan konsep Little England bagi menarik kedatangan pelancong. Projek yang telah siap sepenuhnya pada Julai 2013 menjadi daya tarikan dan tumpuan utama pelancong di Fraser's Hill.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 22.81 juta untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di Fraser's Hill. Antara projek yang dilaksanakan adalah Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Puncak Inn, Menaiktaraf Bangunan Kedai, Menaiktaraf Banglo Pelancongan, Menaiktaraf Kemudahan Jalan Lingkaran, Meningkatkan Kemudahan di

Kawasan Air Terjun Jerlau, Menaiktaraf Kemudahan Asas di Gap, Menaiktaraf Kemudahan Asas dan Infrastruktur dan Kerja-kerja Penyelenggaraan.

Bagi meningkatkan daya tarikan Fraser's Hill sebagai tempat tumpuan pelancong, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga sentiasa mengadakan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam mempromosikan pelancongan di Negeri Pahang, di antaranya penganjuran acara- acara pelancongan di Fraser's Hill seperti 'Fraser's Hill International *Bird Race*' yang telah diadakan pada 23 dan 24 Jun 2013. Selain daripada itu, terdapat juga pakej '*Bird Watching 2013/2014*' yang turut diadakan sepanjang tahun kecuali November dan Disember.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[KANGAR]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 19**

**Ir Shaharuddin bin Ismail (Kangar)** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan penjelasan tentang bil telekomunikasi dan perkhidmatan internet yang semakin menekan pengguna. Walaupun perkhidmatan sudah ditamatkan, namun bil terus meningkat walaupun tiada servis yang digunakan oleh pelanggan.

**JAWAPAN:**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) secara berterusan mengadakan perbincangan bersama pemberi perkhidmatan telekomunikasi dan internet agar dapat menyediakan pakej-pakej mengikut keperluan dan kehendak pengguna yang pelbagai serta tidak sekali kali menekan pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU**  
**TARIKH : 01 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah doktor dan jururawat yang berkelayakan berkhidmat di Poliklinik Sarikei pada masa sekarang. Bilakah Kementerian akan melaksanakan projek menaiktarafkan Poliklinik Sarikei memandangkan poliklinik tersebut sedang mengalami banyak kekurangan daripada segi kemudahan asas.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha menaik taraf perkhidmatan di Klinik Kesihatan(KK) Sarikei adalah satu usaha yang berterusan. Terkini KK Sarikei mempunyai seramai 7 orang doktor termasuk seorang Pakar Kesihatan Keluarga. Selain itu, terdapat 3 orang Pegawai Farmasi, 10 orang Penolong Pegawai Perubatan, 14 orang Jururawat terlatih, 36 orang Jururawat Masyarakat, 8 orang Penolong Pegawai Farmasi, 10 orang Juruteknologi Makmal Perubatan, 2 orang Juru X-ray dan 8 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

Pada masa ini, terdapat keperluan untuk membina sebuah fasiliti klinik kesihatan yang baru yang dapat menampung keperluan kesihatan penduduk setempat dan mengurangkan kesesakan pesakit di klinik sedia ada. Namun, disebabkan kekangan peruntukan, Kementerian perlu menanggukkan dahulu *option* bagi tempoh jangka panjang.

Ruang yang sempit di klinik sedia ada adalah satu faktor penghalang kepada usaha menaik taraf perkhidmatan di KK Sarikei. Sehubungan itu di antara langkah-langkah seterusnya yang diambil adalah:

1. Menyewa bangunan 4 unit kedai bagi penambahan ruang perkhidmatan Ibu & Anak;
2. Melaksanakan Klinik Bergerak di kawasan Selalang, Sarikei dan seterusnya membina sebuah klinik di sana. Ini bakal mengurangkan beban pesakit di KK Sarikei;
3. Menaik taraf sistem bekalan elektrik di klinik tersebut; dan
4. Membeli sebuah mesin ultrasound yang baru bagi melancarkan perkhidmatan ibu mengandung dan kesihatan wanita.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah persediaan yang telah, sedang dan akan dilakukan untuk melaksanakan Projek Lebuh Raya Telipok-Kiulu-Pukak-Pahu-Lokos-Rondoggong pada tahun 2015.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, cadangan projek Jalan Telipok-Kiulu-Lokos-Toboh-Rondoggong, Ranau melibatkan skop menaik taraf jalan batu kelikir (gravel) sedia ada sepanjang 80km dan membina jalan baru sepanjang 30km dengan reka bentuk piawaian JKR R3/R4. Jajaran laluan ini akan menjadi alternatif kepada Jalan Tamparuli – Ranau yang sedia ada. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM540 juta. Projek ini telah dipohon untuk disenaraikan sebagai antara projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan di Sabah tetapi tidak tersenarai dalam *Rolling Plan* ke-4 (2013-2014), RMKe-10 berikutan peruntukan Kerajaan yang terhad. Sehubungan itu, kementerian ini akan memohon semula projek berkenaan dalam *Rolling Plan* ke-4 (2015), RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 22**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk penambahbaikan polisi pemakaian pramugari di semua jenis penerbangan dalam negara kita agar bertepatan dengan syariah Islam bagi kakitangan Islam dan sopan bagi kakitangan yang bukan Islam.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Dalam hubungan ini, MAS telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari MAS yang merupakan baju kebaya adalah mencerminkan budaya Malaysia di mana pakaian tersebut menjadi indentiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh MAS.

Bagi AirAsia pula, pemilihan pramugarinya adalah dari fesyen yang direka oleh anak kapal AirAsia sendiri berdasarkan keselesaan sewaktu bertugas dan untuk keterampilan profesional.

Kementerian Pengangkutan telah pun meminta semua syarikat penerbangan negara untuk membenarkan atau memberikan pilihan

kepada pramugari beragama Islam memakai pakaian yang menepati dengan syariah Islam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 1 APRIL 2014

SOALAN:

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [ Parit ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) jumlah pekerja Bumiputra yang telah diambil bekerja oleh syarikat kaum Cina di negara ini mengikut tahun semenjak tahun 2008 hingga sekarang; dan
- (b) untuk menambah penyertaan pekerja kaum Bumiputra dalam syarikat-syarikat kaum Cina, apakah langkah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai maksud ini.

PR-1321-L59219

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai data jumlah pekerja Bumiputera yang telah diambil bekerja oleh syarikat kaum Cina di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta mengamalkan sikap keterbukaan dalam pengambilan pekerja. Pengambilan pekerja bagi sektor swasta harus dibuat berdasarkan kepada tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman seseorang tanpa prejudis. Ini adalah sejajar dengan konsep 1 Malaysia yang didukung oleh kerajaan. Selain daripada itu, pihak swasta juga harus memainkan tanggungjawab sosial korporat mereka (Corporate Social Responsibility) melalui pengambilan pekerja tanpa mengira kaum.

3. Pada dasarnya, soal pengambilan pekerja adalah ditentukan oleh majikan mengikut keperluan syarikat mereka. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan pekerja untuk mengoptimumkan pengeluaran dan perkhidmatan mereka untuk mengekalkan daya saing syarikat dalam pasaran mahupun di peringkat global. Namun demikian, kerajaan memainkan peranan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memastikan pekerja-pekerja dilayan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum dengan membuat pemantauan ke atas majikan-majikan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 24**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci tindakan pihak Kerajaan terhadap Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mengenai aduan seorang penumpang yang menjumpai pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan kepadanya di dalam penerbangan MAS pada 6 Januari yang menjejaskan imej negara khususnya ketika Tahun Melawat Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut MAS, insiden berhubung pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan berlaku pada 6 Januari 2014 bagi pesawat MH 2608 bagi laluan Kuala Lumpur-Labuan.

Pihak MAS telah membuat siasatan syarikat *caterer* dan audit terhadap kualiti makanan telah dilaksanakan. Pihak MAS telah memberi amaran keras pihak *caterer* untuk tidak mengulangi kesilapan tersebut di masa hadapan.

Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan amaran keras kepada pihak MAS untuk memastikan insiden berhubung pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan di dalam penerbangan MAS tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Kes ini merupakan kes terpencil dan jarang berlaku bagi penerbangan MAS sebelum ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI  
(LABUAN)**

**TARIKH : 01.04. 2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peluang secukupnya kepada Labuan Shipyard (LSE) mengambil kerja-kerja pembuatan dan pembaikpulihan aset-aset TLDM di masa yang terdekat ini memandangkan Labuan Shipyard (LSE) adalah satu-satunya limbungan utama di Malaysia Timur.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sentiasa membuka ruang kepada mana-mana limbungan yang mempunyai keupayaan untuk terlibat dalam kerja-kerja pembinaan dan pembaikan kapal-kapal Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM).**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2014**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) untuk 33 item barangan biasa seperti ayam, daging, paip, kasut, pakaian, dan syarikat di Jadual 1 dan 2 yang tamat tempoh pada 31 Disember 2013 telah dilanjutkan walaupun Kerajaan telah memberikan jaminan "tender terbuka" untuk segala perolehan dalam Program Transformasi Kerajaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan (MoF) sedang meneliti penambahbaikan bagi peraturan dan proses perolehan Kerajaan selaras dengan

*Treasury Transformation Programme (TTP)*. Untuk tujuan ini, item-item Kontrak Pusat Sistem Panel (Kontrak Panel) telah dilanjutkan selama satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 bagi membolehkan MoF merangka hala tuju Kontrak Pusat dan Kontrak Panel yang baru, agar selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan yang memberi penekanan kepada penjimatan (*saving*) dan nilai faedah yang terbaik kepada Kerajaan (*best value for money*). Pelaksanaan Kontrak Pusat dan Kontrak Panel diuruskan melalui persaingan terbuka.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS  
[ ROMPIN ]
- TARIKH** : 1 APRIL 2014 (SELASA)
- SOALAN** : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [ Rompin ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras:-
- a) kegiatan pukat tunda/jerut haram yang berleluasa sehingga boleh menyebabkan kepupusan ikan-ikan layaran di mana ikan layaran merupakan satu produk (ikon) bagi tarikan pelancong-pelancong ke Rompin; dan
  - b) bagi membendung kegiatan pukat tunda/jerut ini di samping melindungi spesies tersebut, apakah langkah-langkah yang sewajarnya perlulah diambil oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Ikan layaran yang merupakan satu produk (ikon) bagi tarikan pelancong-pelancong ke Rompin, bukan merupakan spesis ikan yang ditumpu untuk ditangkap (*target species*). Penangkapan ikan layaran ini adalah secara *By-Catch* yang mana ia tertangkap semasa berenang bersama dengan ikan yang lain yang merupakan *target species* di perairan Malaysia.

Bagi membanteras kegiatan pukat tunda/jerut haram yang berleluasa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah bagi menangani kegiatan ini. Pada 2013, Jabatan Perikanan (DOF) telah berjaya menyediakan *National Plan Of Action (NPOA) On IUU Fishing* selaras dengan keperluan *Code Of Conduct For Responsible Fisheries (CCRF)*.

DOF sentiasa mempergiatkan program pemantauan dan pengawasan bagi membendung aktiviti penangkapan ikan yang menggunakan peralatan yang dilarang dan bertentangan dengan Akta Perikanan 1985. Sekiranya mana-mana vesel melakukan kesalahan dibawah Akta Perikanan 1985, DOF boleh mengambil tindakan dengan mengenakan kompaun atau didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 8 atau Seksyen 11 atau Seksyen 31 di bawah Akta Perikanan 1985. Jika sabit kesalahan, lesen vesel tersebut boleh digantung atau disenarai hitamkan mengikut Seksyen 13 Akta Perikanan 1985.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang merupakan agensi tunggal yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan di laut juga menjalankan penguatkuasaan maritim mengikut Akta Perikanan 1985. APMM dan DOF sentiasa bekerjasama dalam menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Perikanan 1985.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2014**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah untuk mengekang hutang isi rumah yang semakin meningkat. Apakah kesan pelaksanaan dasar ini terhadap anggota-anggota perkhidmatan awam yang memerlukan pinjaman daripada institusi kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam menangani isu berkaitan hutang isi rumah, pihak Kerajaan

termasuk Bank Negara Malaysia telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah kekal kukuh dan mampan. Untuk makluman, jumlah hutang isi rumah yang terkini pada tahun 2013 adalah sebanyak RM854.3 bilion. Namun begitu, sejak pelaksanaan langkah-langkah ini mulai tahun 2010, kadar pertumbuhan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010.

2. Perkembangan yang positif ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai langkah awalan yang diambil secara beransur-ansur oleh Kerajaan untuk memastikan pelarasan yang tersusun dalam sistem kewangan dan ekonomi. Dalam keadaan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota perkhidmatan awam dan orang ramai yang mempunyai keupayaan untuk meminjam akan terus mendapat akses kepada kemudahan pembiayaan.

3. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meringankan beban di kalangan anggota penjawat awam. Ini termasuk

penambahbaikan struktur ganjaran untuk penjawat awam, pemberian pelbagai bantuan tunai, pemberian pelepasan cukai khas kepada golongan berpendapatan sederhana, penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan pembinaan rumah mampu milik seperti Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Perkembangan hutang sektor isi rumah sentiasa dipantau oleh Kerajaan dan langkah yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mampan dan keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG  
(ALOR GAJAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2014**

**Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme baru bagi membendung pembelian barangan dan perkhidmatan dengan harga yang melampau tinggi daripada harga pasaran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik tatacara perolehan semasa dalam usaha mempertingkatkan amalan tadbir urus yang baik

(*good governance*) dan memperkasakan perolehan Kerajaan bagi mendapatkan tawaran terbaik mengikut prinsip perolehan nilai faedah terbaik. Kerajaan telah menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan melalui tender terbuka selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan memperkukuh daya saing serta bina upaya syarikat tempatan.

Antara inisiatif untuk dilaksanakan oleh Agensi bagi membendung harga tawaran yang tinggi dalam perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

### **1. Pelaksanaan Kajian Pasaran dalam Perolehan**

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 169.1, Agensi wajib melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu supaya perolehan mempunyai nilai faedah yang terbaik, menguntungkan serta berdasarkan harga yang munasabah. Kajian hendaklah mengambil kira pelbagai aspek termasuk kualiti, harga, kegunaan, lokasi sumber bekalan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain.

### **2. Perancangan Perolehan Tahunan**

Kementerian Kewangan (MoF) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 6 Tahun 2013 yang mewajibkan Agensi menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) masing-masing bagi perolehan yang akan dilaksanakan bagi tahun berikutnya dan mengemukakan maklumat perancangan perolehan kepada MoF. PPT yang disediakan dapat membantu Agensi melaksanakan perolehan dengan terancang, teratur dan berhemah serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau pada saat-saat akhir.

### **3. Menggalakkan Penggunaan eBidding dalam Sistem ePerolehan (eP)**

*eBidding* merupakan satu modul tambahan di bawah Sistem eP yang membolehkan Agensi yang *eP-enabled* untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal *eP-enabled*. Proses *eBidding* dilaksanakan menerusi kaedah lelongan terbalik (*reverse auction*) di mana para pembekal bersaing secara interaktif melalui internet dalam tempoh bidaan dengan menurunkan harga tawaran yang menguntungkan Kerajaan.

#### **4. Pemilihan Petender**

Pemilihan petender hendaklah dibuat berdasarkan tawaran keseluruhan yang menguntungkan Kerajaan. Sekiranya Agensi bercadang memilih lebih daripada satu petender, Agensi boleh menetapkan syarat "Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan juga berhak untuk memilih sebahagian tawaran daripada mana-mana petender. Petender juga dibenarkan menawarkan harga untuk semua item atau sebahagian item." Jika syarat sedemikian dinyatakan dalam dokumen tender maka Agensi boleh memilih beberapa petender untuk membeli item tertentu dengan harga yang termurah atau berpatutan.

Walaupun terdapat garis panduan untuk menilai dan memilih tawaran, Agensi hendaklah mempunyai kreativiti dalam memastikan perolehan yang dilaksanakan adalah munasabah dan memberikan nilai faedah terbaik kepada pihak Kerajaan.

#### **5. Anggaran Jabatan**

Jabatan wajar menyediakan anggaran Jabatan yang digunakan sebagai asas untuk menilai harga tawaran. Ini merupakan asas yang baik dalam menilai

tawaran harga berdasarkan prinsip perolehan. Anggaran Jabatan hendaklah realistik dan dibuat berdasarkan perbandingan dengan perolehan lampau serta diselaraskan dengan harga pasaran semasa.

Peraturan berkaitan perolehan Kerajaan akan sentiasa dikemaskini dan dipinda dari semasa ke semasa agar kekal relevan dan selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 1 APRIL 2014 ( SELASA )  
DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab sebenarnya Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) belum dapat dilaksanakan walaupun perundangan baru tersebut dapat membantu pembeli-pembeli rumah serta badan-badan pengurusan bagi projek-projek pemajuan berstrata.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan Akta Pengurusan Strata [Akta 757] yang diluluskan pada 19 Disember 2012 di Parlimen dan diwartakan pada 8 Februari 2013 secepat mungkin.

Sebab kelewatan ianya dikuatkuasakan adalah seperti berikut:-

- (i) Beberapa peraturan berkaitan tiga akta yang terlibat dengan pengurusan strata iaitu Akta Pemajuan Perumahan (Akta 118), Akta Hakmilik Strata (Akta 318) dan Akta Pengurusan Strata (Akta 757), perlu disediakan dan diselaraskan bagi memastikan ianya saling melengkapi antara satu sama lain. Peraturan-peraturan tersebut perlu untuk tujuan pelaksanaan akta kepada pegawai-pegawai dan pihak yang berkepentingan.

Akta 757 ini telah dipinda serentak dengan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]. Oleh itu bagi tujuan penetapan tarikh penguatkuasaan Akta 757 tersebut, ianya sedang diselaraskan dengan tarikh penguatkuasaan Akta Hakmilik Strata (pindaan 2013) yang terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 11 Disember 2013;

- (ii) Penguatkuasaan Akta 757 juga akan dilaksanakan serentak dengan Peraturan Tribunal Pengurusan Strata, Peraturan Pengurusan dan Penyelenggaraan dan Peraturan Kompaun yang sedang diperhalusi oleh Kementerian; dan
- (iii) Kerajaan Negeri harus memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Presiden dan ahli-ahli Tribunal Pengurusan Strata. Hal ini sedang diambil tindakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]  
**TARIKH** : 1 APRIL 2014 (SELASA)  
**SOALAN** : Tuan Liang Teck Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pengeluaran makanan negara tidak terjejas akibat daripada bencana atau serangan penyakit.  
**JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian memastikan pengeluaran makanan negara tidak terjejas akibat bencana atau serangan penyakit, dengan menggunakan beberapa pendekatan seperti berikut:

- i) Menggunakan varieti tanaman bertempoh matang singkat dan mempunyai daya tahan kepada kemarau. Kementerian ini melalui MARDI sedang membangunkan 'Sistem Tanaman Padi Aerob' yang menggunakan hanya kira-kira 50% air berbanding dengan amalan keperluan air sekarang untuk padi sawah tanpa menjejaskan hasil.
- ii) Mempertingkatkan perkhidmatan veterinar bagi ternakan dan memantau penyakit ternakan terutamanya semasa musim panas di samping memastikan ketersediaan makanan untuk ternakan melalui konservasi *fodder* menggunakan rumput kering dan silaj.

- iii) Meningkatkan keupayaan pegangan air tanah (*soil water holding capacity*) dan bahan organik dalam tanah menggunakan kaedah pengurusan tanah yang cekap melalui proses pereputan sisa tanaman. Pengurusan pengairan secara efisien turut mengurangkan kehilangan air, memaksimumkan penggunaan air hujan dan air sungai untuk tujuan pengairan terutamanya semasa musim kemarau.
- iv) Meningkatkan penggunaan teknologi pengurusan perosak dan penyakit melalui pembangunan sistem amaran awal (*early warning system*) yang membolehkan perosak dan penyakit dikesan awal bagi mengelakkan ia merebak dan menjadi wabak.

Secara keseluruhan, Kementerian menggalakkan penggunaan Kaedah Amalan Pertanian Baik (APB) yang menekankan kepada sistem pengurusan sumber-sumber di dalam pengeluaran pertanian secara baik dan lestari juga diterapkan kepada para petani ke arah mencapai pertanian mampan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan punca kejatuhan harga getah dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan harga getah kembali pada paras yang tinggi.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata harga getah asli telah mencapai paras tertinggi iaitu 1,348 sen sekilogram pada tahun 2011. Pada tahun tersebut, komoditi ini mencapai harga tertinggi 1,717 sen sekilogram pada 18 Februari 2011. Harga getah mula menunjukkan trend menurun akibat dari permintaan yang lembab di pasaran antarabangsa khususnya di negara-negara maju.

Namun begitu, kejatuhan harga yang dialami sejak bulan Februari 2011 adalah berpunca daripada ketidakseimbangan di antara kadar penawaran getah asli berbanding dengan kadar permintaan. Keadaan ini diburukkan lagi berikutan pertumbuhan ekonomi yang lembab di kalangan negara-negara pengguna getah asli utama dunia.

Harga getah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk penawaran dan permintaan, kadar pertumbuhan ekonomi dunia khususnya negara-negara pengguna getah utama. Di samping itu, ia juga dipengaruhi oleh dasar kewangan di negara-negara pengimport utama seperti China, Eropah dan Jepun.

Kerajaan memahami kesan penurunan harga getah kepada ekonomi negara terutama kepada pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil beberapa langkah bagi menstabilkan harga getah. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan kerjasama di kalangan tiga buah negara pengeluar utama getah iaitu, Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah rangka *International*

*Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC merupakan forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran getah untuk memberi impak kepada pengukuhan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

- i. Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota. Mekanisme ini telahpun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli; dan
- ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah SMS ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Kerajaan akan terus memantau pergerakan harga getah supaya harga di peringkat ladang (*farmgate*) menggambarkan keadaan pasaran sebenar. Dalam hubungan ini, Kerajaan menerusi pihak Kementerian dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga sedang merangka strategi untuk meningkatkan keberkesanan rangkaian pasaran antara pengilang serta dengan pekebun kecil. Ini dilakukan dengan memendekkan rangkaian pasaran sedia ada bagi mengurangkan diskaun antara harga FOB (Free On Board) dengan harga di ladang yang lebih menguntungkan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI LIOW TIONG LAI [ BENTONG ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6582**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan status kewarganegaraan kepada orang bukan warganegara atau pemegang MyPR yang berusia lebih daripada 60 tahun dan mempunyai bukti bahawa mereka dilahirkan di negara kita dan akan terus menetap di Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kewarganegaraan Malaysia adalah suatu anugerah tertinggi yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada individu yang berkelayakan. Bagi mereka yang berusia lebih daripada 60 tahun dan telah lama menetap di negara ini serta ingin mendapatkan kewarganegaraan Malaysia, mereka sendiri hendaklah memohon dan membuktikan bahawa mereka telah memenuhi semua syarat yang termaktub dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan ini ialah dengan mengadakan Program *Outreach* iaitu program turun padang bagi mendekati pemohon yang merupakan salah satu kaedah terbaik untuk membolehkan golongan tersebut mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia. Selain itu, permohonan kewarganegaraan yang mensyaratkan pemohon mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu yang memadai atau mencukupi telah dipermudahkan iaitu mengecualikan ujian bertulis kepada mereka yang berumur lebih 60 tahun.**

NO. SOALAN : 34.

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TENGKU RAZALEIGH HAMZAH  
[ GUA MUSANG ]  
TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN :

Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah dividen keuntungan bagi penyimpan akaun Tabung Haji dibayar mengikut kaedah 8 peratus bagi yang belum melaksanakan ibadah haji dan 6 peratus yang sudah melaksanakan ibadah tersebut. Jika benar, apakah rasional hingga wujud dua jenis dividen bagi akaun simpanan di Tabung Haji.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akaun simpanan di Lembaga Tabung Haji (*TH*) adalah berlandaskan konsep *Al Wadiah Yad Dhamanah*, di mana simpanan tersebut dijamin oleh Kerajaan.

Berdasarkan konsep simpanan ini, tiada jaminan terhadap kadar pulangan tahunan bagi simpanan tersebut boleh diberikan oleh pihak pengurusan. Namun, sekiranya ada pulangan maka kadar pulangan adalah bergantung kepada prestasi kewangan tahun semasa serta budi bicara pihak pengurusan **TH**.

**TH** ditubuhkan dengan matlamat untuk memberi peluang kepada pendeposit menyimpan wang bagi tujuan menunaikan ibadat haji. Bagi pendeposit yang kurang berkemampuan, masa yang diambil adalah lama bagi mencukupkan jumlah yang perlu dibayar bagi menunaikan rukun kelima tersebut. Seajar dengan matlamat inilah, maka pihak **TH** pada tahun ini, telah memberikan **bayaran bonus tambahan sebanyak 2 peratus** kepada mereka yang belum menunaikan haji. Namun, jumlah tersebut adalah terhad kepada jumlah bayaran haji semasa iaitu RM9,980. **Jumlah maksima bonus tambahan bagi setiap pendeposit yang belum menunaikan haji adalah RM199.60.**

Secara keseluruhannya, **TH** telah **memberikan pulangan pada kadar 6 peratus kepada semua pendepositnya**, iaitu satu kadar yang kompetitif jika dibandingkan dengan kadar pulangan simpanan di perbankan Islam lain dan **TH** juga telah melaksanakan pembayaran zakat bagi semua pendepositnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]

**SOALAN :-**

**Y.B JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penalti yang telah diambil ke atas semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang gagal mematuhi Piawaian 108 hari bagi Kebenaran Merancang dan 37 hari bagi Kebenaran Bangunan yang ditetapkan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Nyatakan sama ada kelonggaran syarat diberi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada penalti atau kelonggaran diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mematuhi tempoh (piagam) yang ditetapkan. Tempoh tersebut merupakan garis panduan amalan baik (*good practice*) yang bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

Walau bagaimanapun, kepatuhan kepada Garis Panduan serta piagam yang diputuskan oleh Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dinilai semasa pemeriksaan penarafan bintang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ KOTA RAJA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status persempadanan semula kawasan pilihan raya, bila ia akan dikemukakan di Parlimen dan apakah status untuk mendapat konsensus daripada semua pihak yang berkepentingan (*stake holders*).

**JAWAPAN:YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara

113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, prinsip-prinsip persempadanan tersebut akan diguna pakai semasa urusan persempadanan pada kali ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak dapat memaklumkan tarikh-tarikh sebenar kepada pembentangan cadangan persempadanan SPR di Parlimen kerana ia bergantung pada bila urusan persempadanan boleh disiapkan. Walau bagaimanapun, SPR wajib mematuhi tempoh penyelesaian urusan tersebut dalam dua tahun

seperti mana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan selepas tarikh tersebut barulah ianya boleh dibentangkan di Parlimen.

Berhubung dengan sama ada untuk mendapatkan konsensus daripada semua pihak ianya tidak diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, semua pihak boleh memainkan peranan masing-masing apabila cadangan persempadanan SPR dipamerkan selama sebulan di seluruh negara, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan apabila cadangan persempadanan SPR dibentangkan di dalam Parlimen, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya terpulang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membuat keputusan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**(PENGERANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2014**

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ PENGERANG**

**] minta MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapatan bulanan yang diterima oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Khususnya bagi syarikat-syarikat seperti TNB, Perodua, Petronas, Media Prima, Sime Darby, Maybank, Telekom, Malaysia, CIMB Bank, Media Prima dan Proton.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan ketetapan yang

terkandung dalam Buku Biru mengenai Peningkatan Pengurusan Prestasi, garis panduan mengenai ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah ditetapkan bagi menarik minat dan mengekalkan bakat serta kesinambungan operasi GLC seperti berikut:

- i. Paras gaji asas tetap yang kompetitif berbanding pasaran;
- ii. Kenaikan gaji berasaskan prestasi individu, syarikat serta kemampuan syarikat; dan
- iii. Bayaran bonus dan ganjaran berdasarkan pencapaian KPI individu dan syarikat serta kompetitif di pasaran.

Bagi maklumat mengenai pendapatan bulanan tahun 2012 yang diterima oleh CEO bagi GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia, Yang Berhormat boleh merujuk kepada laporan tahunan GLC bagi tahun kewangan berakhir 2012. Bagaimana pun, bagi tahun kewangan berakhir 2013, laporan tahunan GLC yang tersenarai masih belum diumumkan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Abdul Manan bin  
Ismail [ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 01.04.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 38**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelatih Giat MARA yang mengikuti kursus sejak diperkenalkan dan berapa jumlah kursus yang disediakan pada setiap Giat MARA di seluruh negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

GIATMARA memainkan peranan utama dalam menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia di dalam dan luar bandar sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan industri negara. Dari tahun ia ditubuhkan iaitu 1986 sehingga 31 Disember 2013 seramai 248,032 orang pelatih telah tamat mengikuti kursus di GIATMARA.

GIATMARA kini menawarkan 42 jenis kursus peringkat sijil di bawah 12 kluster seperti berikut:

- i. Mekanikal
- ii. Seni Bina
- iii. Pengangkutan
- iv. Pembuatan
- v. Percetakan
- vi. Elektrikal

- vii. Komputer dan IT
- viii. Fabrik
- ix. Elektronik & Mekatronik
- x. Kulinari
- xi. *Hairdressing & Cosmetology*
- xii. Hospitaliti

Setiap GIATMARA menawarkan kursus-kursus yang berbeza berdasarkan keperluan dan kehendak masyarakat setempat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) siapa ahli-ahli serta negeri diwakili, yang dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Petroleum Nasional seperti termaktub di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974; dan
- (b) manfaat yang dinikmati oleh negeri-negeri pengeluar minyak sejak akta tersebut dikuatkuasakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) telah pernah ditubuhkan pada 1974 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Kemajuan Petroleum 1974. Di bawah Seksyen 5(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974, keanggotaan MPPN adalah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan peranan MPPN untuk menasihati Y.A.B. Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan serta perkara-perkara berkaitan petroleum, industri petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1974, MPPN telah bermesyuarat sebanyak 80 kali. Mesyuarat terakhir adalah pada tahun 1995 dan telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu. Ahli MPPN terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

Peranan MPPN telah dimansuhkan pada tahun 2009 berikutan penyusunan semula semua Majlis dan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri.

Walaupun peranan MPPN telah dimansuhkan, isu-isu berkaitan petroleum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa peringkat tertinggi lain yang berkenaan seperti Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga, Majlis Ekonomi dan sebagainya. Walaupun Majlis/Jawatankuasa tidak dianggotai secara tetap oleh wakil dari Kerajaan Negeri, namun apabila wujud keperluan yang memerlukan keputusan Kerajaan Negeri, wakil daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan akan turut dijemput hadir bersama dalam mesyuarat Jawatankuasa atau Majlis Ekonomi.

Manfaat yang boleh dinikmati oleh rakyat di negeri-negeri pengeluaran minyak sejak akta tersebut dikuatkuasakan adalah seperti berikut:

- i. memberi peluang pekerjaan khasnya dalam bidang teknikal dan industri sokongan yang berkaitan dengan industri minyak dan gas. Peluang pekerjaan ini bukan sahaja ditawarkan oleh PETRONAS malah juga oleh syarikat-syarikat lain yang terlibat dalam industri minyak dan gas;

- ii. mewujudkan peluang perniagaan terutamanya kepada penduduk tempatan dengan pelaksanaan projek mega yang berkaitan dengan minyak dan gas. Peluang perniagaan ini bukan sahaja melibatkan bidang teknikal yang memerlukan modal yang besar tetapi juga perniagaan kecil-kecilan seperti pembekalan makanan, alat-alat tulis, kerja-kerja pembersihan dan perkhidmatan sokongan;
- iii. menawarkan peluang latihan dan kursus kepada para belia terutamanya belia tempatan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh syarikat minyak dan gas; dan
- iv. memberi bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan dan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin dengan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau CSR dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN  
MOHAMED  
(PULAI)**

**TARIKH : 01.04.2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengenai komitmen Kerajaan dalam membantu anggota tentera yang memilih untuk bersara awal serta sama ada langkah yang kini dilaksanakan benar-benar dapat menyediakan anggota berkenaan mendapat pekerjaan selepas menamatkan perkhidmatan mereka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Terdapat dua agensi di bawah Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab kepada bakal persara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (PERHEBAT) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). PERHEBAT bertanggungjawab untuk melatih bakal-bakal pesara manakala JHEV bertanggungjawab untuk membantu mengenal pasti peluang pekerjaan dan kebajikan bakal pesara.**

**Anggota tentera yang memilih untuk bersara awal diwajibkan mengikuti kursus latihan peralihan yang dianjurkan oleh PERHEBAT. Manakala JHEV bertanggungjawab untuk membantu mengenal pasti peluang pekerjaan dan kebajikan bakal pesara tersebut.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak ATM juga telah berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan tred dari Kementerian Sumber Manusia bagi**

menyediakan peluang pekerjaan kepada anggota yang bersara. ATM kini sedang menyediakan satu dasar kerjaya kedua bagi anggota tentera yang ingin bersara awal di mana mereka akan ditempatkan di mana-mana jabatan kerajaan, agensi-agensi swasta, pihak berkuasa tempatan, badan-badan beruniform yang lain serta agensi-agensi yang bersesuaian. Sebagai contoh terdapat anggota ATM yang bersara yang telah diserapkan ke dalam Perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ]

TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran udara akibat daripada pembakaran tandan buah kosong kelapa sawit (TBK) yang dilakukan secara terbuka dan berpanjangan bagi langkah pelupusan atau menghasilkan abu tandan bagi tujuan sumber baja.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembakaran tandan buah kosong kelapa sawit/ *empty fruit bunch* (EFB) yang dilakukan secara terbuka adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pihak yang didapati bersalah melakukan pembakaran tersebut boleh dikenakan denda maksimum RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : **TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**  
**TARIKH** : 1 APRIL 2014 (SELASA)  
**SOALAN** : Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan Kerajaan baru-baru ini mengumumkan subsidi diesel diberikan kepada nelayan:-
- (a) apakah Kementerian bercadang memberi subsidi diesel kepada petani dan pekebun kecil; dan
  - (b) apakah tindakan daripada Kementerian bagi membantu petani ekoran daripada kenaikan tarif elektrik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi diesel kepada petani dan pekebun kecil seperti yang diberikan kepada nelayan dan Kerajaan juga tidak mempunyai peruntukan dan program yang khusus untuk membantu petani ekoran daripada kenaikan tarif elektrik.

Walau bagaimanapun Kerajaan telah menyediakan beberapa program bantuan dan insentif kepada para petani dan pekebun kecil untuk meneruskan kelangsungan aktiviti pertanian dan secara tidak langsung dapat membantu petani menangani kenaikan tarif elektrik. Antara bantuan dan insentif yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tanu adalah seperti berikut:

- i. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP);
- ii. Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);
- iii. Insentif Peningkatan Hasil Padi;
- iv. Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP);
  - a. Bantuan Upah Bajak
  - b. Baja Tambahan
  - c. Baja NPK tambahan
  - d. Racun Makhluk Perosak
  - e. Pengapuran
- v. Insentif Benih Padi Sah;
- vi. Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM);
- vii. Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA);
- viii. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-Buahan;
- ix. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran & Tanaman Kontan;
- x. Pembangunan Kluster Tanaman;
- xi. Pembangunan Kawasan Tanaman Kelapa;
- xii. Pembangunan Industri Cendawan;
- xiii. Pakej Amalan Teknologi Lebah Madu;
- xiv. Pakej Amalan Teknologi Florikultur;
- xv. Pembangunan Unit Peladang;
- xvi. Pengeluaran Bahan Makanan Asas (Buah-buahan dan Sayur-sayuran); dan
- xvii. Bantuan Tanaman Nanas.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD**  
**KAWASAN : SHAH ALAM**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Tol di Batu 3 dan Sungai Rasah yang UMNO Shah Alam tuntutan supaya ianya ditamatkan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai desakan pihak-pihak tertentu supaya kutipan tol PLUS di Batu Tiga dan Sg. Rasau, Shah Alam dimansuhkan. Sehubungan itu, kementerian ini telah menjalankan kajian mengenai cadangan penghapusan kedua-dua plaza tol berkenaan. Hasil kajian tersebut mendapati cadangan penghapusan kedua-dua plaza tol itu akan melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan, iaitu dianggarkan RM2 bilion. Tambahan pula ia akan menimbulkan isu kebocoran trafik di Lebuhraya KESAS yang berhampiran.

Untuk meringankan beban pengguna, Kerajaan telah pun memutuskan kadar tol untuk lebuhraya di bawah operasi PLUS termasuk di plaza tol Batu Tiga dan Sg. Rasau dikekalkan kepada kadar sedia ada untuk tempoh sehingga 2015. Pada masa kini kadar tol di plaza tol Batu Tiga ialah RM1.10 manakala di plaza tol Sg. Rasau pula RM1.00.

Walau bagaimanapun untuk masa hadapan, kementerian ini dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri sedang meneliti opsyen-opsyen lain yang lebih adil dan praktikal untuk mengurangkan beban kewangan tol yang ditanggung pengguna secara keseluruhan. Opsyen-opsyen ini akan mengambil kira dan menimbangakan pelbagai faktor, termasuk kemampuan kewangan Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi

sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi 'win-win' kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid  
[Kuala Langat]**

**TARIKH : 1 April 2014 (Selasa)**

**SOALAN : 44**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan matlamat Kementerian untuk mengisi keperluan tenaga mahir maritim yang semakin meruncing.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kementerian Pengangkutan sentiasa mengambil tindakan pro-aktif dan melaksanakan strategi-strategi bagi mengisi keperluan tenaga mahir maritim seperti:

- (i) meluluskan sebanyak 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia untuk melatih rakyat tempatan yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pelaut;
- (ii) menawarkan biasiswa kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai;
- (iii) membuat promosi, kempen kesedaran serta memberikan taklimat kerjaya di peringkat sekolah bagi memberikan pendedahan awal mengenai kerjaya bidang maritim; dan
- (iv) menyediakan platform perantaraan antara pelaut dan syarikat iaitu modul Job Seeker yang mana kemudahan ini adalah percuma dan untuk rakyat tempatan sahaja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas**  
**[ Telok Kemang ]**  
**TARIKH** : **1.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapa banyak buku-buku, majalah, jurnal dan penerbitan berkala Sains Bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke dalam Bahasa Kebangsaan; dan
- (b) setakat mana ia telah digunakan sebagai teks di sekolah-sekolah menengah dan institut pengajian tinggi pada masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan Institut Terjemahan Negara (kini Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)) pada 14 September 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lagi menangani kerja-kerja terjemahan kerana tugas ini dipertanggungjawabkan kepada ITBM.

ITBM mula menerbitkan buku terjemahan dalam bidang Sains sejak tahun 1995 lagi. Sehingga 25 Mac 2014, sejumlah 326 judul buku Sains dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan ke dalam bahasa Kebangsaan. Walau

bagaimanapun, ITBM tidak menterjemahkan majalah, jurnal dan penerbitan berkala dalam bidang Sains.

Buku dalam bidang Sains yang diterjemahkan dan diterbitkan oleh ITBM adalah untuk bahan bacaan tambahan dan bahan rujukan di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Rjm87

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]

TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan hutan dijalankan di bawah Dasar Perindustrian Kayu Negara. Berdasarkan *Google Earth Mapping* yang baru, Malaysia merupakan salah satu daripada tiga negara yang mempunyai kadar tertinggi penebangan hutan di dunia.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertanggungjawab untuk mengurus, memelihara, memulihara dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan berdasarkan Pelan Tindakan Perancangan Strategik, JPSM 2008-2020. Bagi merealisasikan Pelan Tindakan Perancangan Strategik JPSM 2008-2020, pada tahun 2014 kerajaan telah meluluskan sebanyak RM42.56 juta untuk melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Keluasan Hutan Simpanan Kekal yang direkodkan setakat ini adalah sebanyak 14.74 juta hektar yang meliputi kawasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Semakan kepada perangkaan kawasan berhutan Malaysia mendapati bahawa kawasan hutan negara tidak mengalami kehilangan seperti yang dilaporkan dalam Laporan laman web seperti Laman *Google Earth Mapping*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan adalah di bawah Dasar Perhutanan Negara (DPN) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan bukannya di bawah Dasar Perindustrian Kayu Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6698**

**SOALAN:**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional filem *The Wolf Of Wall Street* diharamkan tayangannya di Malaysia sedangkan ia merupakan terbitan Riza Aziz, anak kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang menelan perbelanjaan kira-kira RM325 juta.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Setakat ini belum ada keputusan sama ada untuk membenarkan filem "*The Wolf Of Wall Street*" ini ditayangkan di negara ini atau sebaliknya.**

**Filem "*The Wolf Of Wall Street*" telah dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem untuk proses tapisan pada 29 Januari 2014 dan masih lagi dalam pertimbangan Lembaga.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]**  
**TARIKH** : **1.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sebarang kajian semula dijalankan ke atas keberkesanan Bantuan Pelajar Sekolah serta Yuran PIBG:-

- (a) adakah pemberian RM100 bagi semua pelajar merupakan langkah yang tepat atau pemberian itu mestilah berdasarkan jumlah pendapatan keluarga; dan
- (b) adakah sebarang garis panduan atau jumlah maksimum yang boleh diletakkan ke atas Yuran PIBG dikeluarkan oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga. Kerajaan sentiasa prihatin mengenai beban dan keperluan rakyat serta bersedia mengkaji semula syarat kelayakan pendapatan keluarga mengikut keperluan semasa.

- (b) Tiada garis panduan khusus yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menentukan kadar yuran Persatuan Ibumama dan Guru (PIBG) kerana kuasa bagi penetapan yuran diputuskan melalui Mesyuarat Agung Tahunan PIBG setiap sekolah berdasarkan persetujuan oleh ibu bapa. Walau bagaimanapun, kementerian menasihatkan agar kadar yang diputuskan hendaklah munasabah dan tidak membebankan semua pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[MARANG]**

**TARIKH** : **1 April 2014**

**SOALAN** : **YBhg. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang**  
**[Marang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan apakah maklum balas daripada OIC  
setelah Wisma Putra menulis surat kepada Setiausaha  
Agungnya meminta OIC mengadakan sidang bagi  
membuat ketetapan menyelesaikan konflik di Syria dan  
Mesir.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Marang, yang menyentuh berkenaan OIC dan konflik yang melanda negara Mesir.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia sesungguhnya sangat prihatin dan mengambil berat akan perkembangan terkini berhubung konflik yang berlaku di Mesir.
  
3. Sebagaimana dimaklumkan kepada Dewan sebelum ini, cadangan Malaysia agar satu Persidangan Khas di kalangan Menteri-Menteri Luar OIC diadakan bagi mencari jalan penyelesaian yang komprehensif untuk membantu Mesir, telah diedarkan oleh Sekretariat Agung OIC kepada negara-negara anggota OIC untuk pertimbangan dan persetujuan mereka. Berdasarkan kepada Perlembagaan OIC (dengan izin, *OIC Charter*), persetujuan 2 per 3 (2/3) negara-negara OIC adalah diperlukan bagi membolehkan OIC mengadakan persidangan khas tersebut. Bagaimanapun, kesepakatan tersebut masih tidak tercapai.
  
4. Walau bagaimanapun, Malaysia sentiasa menyokong langkah-langkah dalaman yang diambil oleh Kerajaan Sementara Mesir dan rakyatnya di dalam usaha-usaha mereka untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan di negara tersebut seperti pungutan suara bagi perlembagaan baru Mesir yang diadakan pada 14-15 Januari 2014; dan pilihanraya Presiden serta Parlimen Mesir yang akan diadakan kelak.
  
5. Malaysia yakin bahawa krisis dalaman di Mesir ini akan dapat diselesaikan oleh Kerajaan Sementara Mesir dengan sokongan daripada rakyat negara tersebut.

6. Malaysia turut menyokong segala usaha-usaha yang diambil oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, termasuk OIC di dalam menghulurkan bantuan bagi membantu Mesir untuk kembali stabil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pemantauan dan pengawalan projek-projek MEGA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri:-

- (a) jabatan manakah yang bertanggungjawab ke atas kerja ini; dan
- (b) sejak tahun 2008, berapa buah projek MEGA negeri yang telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan Negeri boleh merancang dan melaksanakan projek yang berdaya saing dan berdaya maju serta mendatangkan manfaat kepada ekonomi dan rakyat negara tanpa merujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Justeru, pelaksanaan projek tersebut biasanya dipantau dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri berkenaan. Bagi Negeri Melaka contohnya, pemantauan dibuat melalui jabatan teknikal berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Jabatan Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka.

Walau bagaimanapun, bagi projek-projek negeri yang mendapat pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri diminta melaporkan kemajuan pelaksanaan projek-projek berkaitan. Di samping itu, Kerajaan Negeri perlu mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek seperti berikut:

- i. Projek yang melibatkan pelaburan asing (sektor pembuatan dan perkhidmatan) yang perlu mendapatkan kelulusan MIDA;
- ii. Projek yang memerlukan pembiayaan melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan;

- iii. Projek yang memerlukan insentif khas dan cukai perlu mendapat kelulusan pihak Kementerian Kewangan dan MIDA;
- iv. Projek yang mempunyai kesan terhadap alam sekitar perlu mendapatkan penilaian *Environment Impact Assessment (EIA)* daripada Jabatan Alam Sekitar;
- v. Pembinaan projek perlu mematuhi panduan dalam Rancangan Tempatan Daerah dan Pelan Induk Rancangan Fizikal Negara yang diselaras oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;
- vi. Projek-projek infrastruktur yang menghubungkan sesebuah negeri dengan negara luar seperti cadangan jambatan dari Melaka ke Sumatra, Indonesia.
- vii. Penyediaan perkhidmatan Kerajaan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan perlu mendapat kelulusan daripada kementerian, agensi dan jabatan yang berkenaan, seperti pendidikan, keselamatan, pengangkutan, immigresen dan kastam; .
- viii. Projek yang dilaksanakan tidak melibatkan bidang kuasa yang telah ditetapkan sebagai senarai Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Malaysia; dan
- ix. Projek memerlukan kelulusan perlesenan tertentu di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, contoh lesen mengendalikan pelabuhan, hospital, utiliti air dan elektrik dan komunikasi.

Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan negara di seluruh negara termasuk di peringkat negeri. Kerajaan Negeri boleh

melaksanakan projek yang dicadangkan sekiranya mempunyai kemampuan kewangan sendiri dan tidak memerlukan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan serta memenuhi semua syarat dan keperluan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2014**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kelemahan dalam sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan (CJP) yang sedia ada di mana wajar untuk Kerajaan melaksanakan GST untuk menggantikannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

GST merupakan salah satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara supaya lebih telus, efisien dan mesra peniaga.

Langkah ini adalah juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan fiskal negara demi kesejahteraan rakyat. Sepertimana YB sedia maklum, GST bukan merupakan cukai baharu tetapi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan sedia ada. Kerajaan mendapati terdapat kelemahan dalam sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada yang perlu diatasi seperti kesan cukai berganda dimana pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan isu pemindahan harga (transfer pricing) yang memberi kesan kepada kutipan hasil. Oleh itu, pelaksanaan GST mampu mengatasi kesan negatif kepada negara dan pengguna.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.

Tuan Yang DiPertua,

Perbelanjaan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan termasuk :

- i. RM98 juta bagi sistem perkomputeran GST yang telah siap dibangunkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (tahun 2013/2014);
- ii. RM150 juta penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS yang sedang diuruskan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (RM125

juta : 2014; RM25 juta : 2015). Perisian ini akan dikendalikan oleh 55 syarikat yang dipilih oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;

- iii. RM100 juta bagi geran latihan kepada peniaga yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (RM50 juta : 2013; RM50 juta : 2014); dan
- iv. RM17 juta bagi program publisiti melalui pelbagai saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan billboard serta melalui media sosial iaitu blogspot, laman web, twitter dan Facebook yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (2012-2014).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [ SETIU ]**  
**TARIKH** : **01.04.2014 (SELASA)**

**TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian berjaya mengawal kenaikan harga barang terutama barangan keperluan asas dan nyatakan langkah kerajaan bagi membendung kenaikan kadar inflasi Negara bagi memastikan ekonomi negara kekal mapan dan mampu berdepan cabaran ekonomi global yang mencabar.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Trend atau arah aliran inflasi yang diukur berdasarkan Indeks Harga Pengguna mendapati kadar purata inflasi tahun 2013 meningkat kepada 2.1% berbanding 1.6% pada tahun 2012. Manakala kadar inflasi bulan Januari 2014 berbanding bulan Januari 2013 telah merekodkan peningkatan kepada 3.4%.

Dalam membendung kadar inflasi negara, Kerajaan antara lain telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. **Penubuhan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014.**
- ii. **Melaksanakan Kempen Penurunan Harga.**
- iii. **Mengadakan sesi *engagement* dan dialog dengan NGO Kepenggunaan.**
- iv. **Melaksanakan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP)**
- v. **Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia atau KR1M**

- vi. Menggalakkan penglibatan premis makanan untuk Menu Rakyat 1 Malaysia atau **MR1M**.
- vii. Mewujudkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia atau **KKR1M**
- viii. Mewujudkan **Price Watch** di dalam Portal 1Malaysia Pengguna Bijak dan **menyebarkan penggunaannya dalam media massa**
- ix. Memperhebatkan aktiviti penguatkuasaan seperti **OPS HARGA 2014**

Analisa perubahan harga 40 jenis barang terpilih bagi bulan Januari 2014 berbanding Disember 2013 adalah seperti berikut:

- i. Di Semenanjung Malaysia, 23 barangan mengalami peningkatan harga, 13 barangan mengalami penurunan harga manakala 4 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga;
- ii. Di Sabah, 24 barangan mengalami peningkatan harga, 14 barangan mengalami penurunan harga, 1 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barangan tidak dapat diperolehi;
- iii. Di Sarawak, 24 barangan mengalami peningkatan harga, 14 barangan mengalami penurunan harga, 1 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barangan tidak dapat diperolehi; dan

- iv. Di Labuan, 10 barangan mengalami peningkatan harga, 12 barangan mengalami penurunan harga, 15 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 3 barangan tidak dapat diperolehi.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR (SILAM )**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR (SILAM )** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan usaha yang telah diambil oleh Kementerian dalam menjadikan wakaf sebagai komponen pasaran kewangan yang lebih besar dan adakah rangka kerja undang-undang yang kondusif yang akan membolehkan pemerbadanannya dengan secara efektif.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan menyedari bahawa Wakaf merupakan instrumen kewangan awam Islam yang berpotensi menjadi sumber pembiayaan serta

mekanisme pengagihan kekayaan dan wajar diberikan perhatian dalam industri kewangan Islam.

Menyedari akan potensi wakaf, maka Kerajaan melalui Kementerian Kewangan sedang merangka dan meneliti satu kajian khusus mengenai wakaf dalam bidang korporat yang turut melihat kesan dan potensinya sebagai komponen pasaran kewangan yang lebih besar. Kajian ini juga nanti akan turut mengenalpasti rangka kerja undang-undang yang kondusif bagi memastikan pelaksanaannya dapat dilakukan secara efektif.

Pada masa yang sama, usaha-usaha sedang dibuat oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk memperkemas dan menukar taraf Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) menjadi entiti wakaf korporat, selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pengumuman Khas Agenda Pembangunan Bumiputera pada 14 September 2013 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN R. SIVARASA**  
**[ SUBANG ]**

**TARIKH** : **1 APRIL 2014**

**SOALAN** : **Tuan R. Sivarasa [Subang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menuntut kajian semula (*review*) keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 berkaitan Pulau Batu Putih sebelum tempoh 10 tahun untuk kajian semula berakhir.

## JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas soalan yang telah dikemukakan.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)*, telah memberikan penghakimannya berhubung Kes Kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

3. Lanjutan itu, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan dengan izin, *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC)* bagi melaksanakan penghakiman ICJ. Setakat ini, 7 Mesyuarat MSJTC telah diadakan dan kedua-dua negara sedang di dalam proses untuk melaksanakan perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah.

4. Pembatasan sempadan maritim merupakan satu isu yang kompleks dan penelitian yang terperinci diperlukan disetiap peringkat perbincangan demi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara dan dipertahankan.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

5. Kerajaan sedia maklum akan peruntukan Artikel 61 Statut ICJ yang membolehkan semakan semula, atau dengan izin, *revision*, ke atas penghakiman ICJ dalam tempoh sepuluh (10) tahun daripada tarikh penghakiman sekiranya fakta atau bukti yang penting ditemui. Kerajaan mengambil pendirian terbuka di dalam perkara ini dan sekiranya fakta atau bukti yang penting ditemui, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengemukakan permohonan semakan semula ke atas penghakiman ICJ berhubung Kes Kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**KAWASAN : PENDANG**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL (PENDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memanjangkan tempoh konsesi TOL lebuh raya ke suatu had masa tertentu supaya TOL tidak dinaikkan. Atau adakah kerajaan mempunyai cadangan lain untuk menghalang kenaikan TOL.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat, iaitu untuk memanjangkan tempoh konsesi tol lebuhraya ke suatu had masa tertentu supaya tol tidak dinaikkan adalah merupakan salah satu daripada opsiyen yang boleh diberikan pertimbangan. Walau bagaimanapun, ia memerlukan perincian dengan mengambil kira kebolehbayaan sesuatu lebuhraya oleh pemberi pinjaman dan pelabur.

Dalam hal ini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi '*win-win*' kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]**

**TARIKH : 1.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membina sebuah sekolah Kebangsaan Jenis Cina (SJKC) di daerah Stutong, Kuching memandangkan SJKC Chung Hua No.2 yang terletak di daerah itu tidak lagi dapat menampung permintaan daripada penduduk di kawasan itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Asas utama yang digunakan dalam mempertimbangkan permohonan ialah sesebuah sekolah baharu itu dapat mewujudkan perpaduan kaum dan kemudahan persekolahan kepada kanak-kanak daripada pelbagai kaum. Buat masa ini, Walaupun Akta Pendidikan 1996 Seksyen 28 memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menubuhkan sekolah baharu namun setiap permohonan akan diteliti terlebih dahulu tentang keperluan dan kesesuaiannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJK Chung Hua No. 2 mempunyai enrolmen seramai 1,231 dengan 30 bilik darjah. Sekolah yang berdekatan adalah SJK Chung Hua Sungai Jernang (5.1 km) yang mempunyai 428 enrolmen dengan 14 bilik darjah, dan SJK Chung Hua Stampin (6.1 km) dengan 813 enrolmen dengan 12 bilik darjah (2 sesi). Sehubungan itu, buat masa ini Kementerian tiada cadangan untuk meluaskan atau mencadangkan pembinaan SJKC baharu di kawasan Stutong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kini selepas kajian yang telah dibuat untuk memperkenalkan sistem perlindungan sosial bagi pemandu teksi.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan terdapat keperluan dan permintaan untuk skim perlindungan keselamatan sosial untuk pemandu teksi. Perkara ini telah dibincangkan bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
2. Pihak PERKESO telah menyiapkan rangka kerja serta kertas cadangan untuk memperkenalkan skim perlindungan sosial ini. Kertas cadangan itu akan dibentangkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) untuk mendapatkan maklum balas daripada penggiat industri.
3. Untuk makluman, skim perlindungan keselamatan sosial ini adalah di bawah tanggungjawab PERKESO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Datuk Joseph Salang anak Gandum  
[ Julau ]  
**TARIKH** : 1 April 2014 (SELASA)  
**SOALAN** :

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan graduan kelas pertama di Universiti Awam diberi peluang untuk dilantik ke jawatan di sektor awam sebagai langkah menyerap graduan cemerlang dan menambahkan kualiti sektor awam.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendapatkan bakat-bakat terbaik (*best talent*) termasuk graduan-graduan yang cemerlang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai salah satu langkah meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

Pada tahun 2013, Kerajaan telah melantik seramai 1,994 orang bakat terbaik yang terdiri daripada 1,970 orang calon pemegang ijazah dan

diploma dengan CGPA 3.50 ke atas atau Kelas Pertama, 1 orang calon lulusan universiti terkemuka dunia dan 23 orang calon yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (PhD). Ini adalah usaha Kerajaan untuk menyerap graduan cemerlang termasuk graduan dari universiti awam ke dalam sektor perkhidmatan awam agar graduan-graduan ini dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan kualiti pentadbiran negara.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa pelantikan calon ke dalam perkhidmatan awam adalah bergantung kepada keperluan bidang di Kementerian/Jabatan dan kekosongan jawatan yang wujud. Di samping itu, calon mesti mempunyai sikap yang positif serta kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab sekiranya dilantik sebagai penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL NIK  
AZIZ [ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 59)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dan justifikasi utama pihak Kementerian untuk membida bagi menjadi tuan rumah Piala Dunia 2034.

SULIT

## JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembidaan bagi negara ASEAN menjadi tuan rumah kejohanan bola sepak Piala Dunia 2034 bermula di Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN di Hanoi, Vietnam 2010 disusuli Mesyuarat Menteri Luar ASEAN di Lombok, Indonesia pada 2011.
2. Justifikasi utama negara Asean membida untuk menjadi tuan rumah ialah kerana kita berpendapat sudah tiba masanya negara Asean menjadi tuan rumah kejohanan bola sepak yang paling berprestij di dunia ini setelah kejayaan negara Korea Selatan dan Jepun pada tahun 2002. Negara Malaysia telah diberi penghormatan untuk menyelaraskan proses pembidaan ini melalui Persatuan Bola Sepak Asean (AFF).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [KUALA NERUS]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]  
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan jumlah kawasan tanaman tembakau yang bermasalah telah  
digantikan dengan tanaman kenaf dari tahun 2012 hingga 2013.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman tembakau di negara ini pada umumnya tidak mengalami sebarang masalah dari segi penanaman. Walau bagaimanapun, selaras dengan komitmen di bawah *World Health Organisation - Framework Convention on Tobacco Control* (WHO – FCTC), Kerajaan tidak lagi menggalakkan penanaman tembakau dan menyediakan insentif.

Di samping itu, kesan daripada liberalisasi perdagangan serantau melalui *ASEAN Free Trade Area* (AFTA), tanaman tembakau dalam negara adalah kurang kompetitif berbanding dengan negara-negara lain di ASEAN.

Bagi membantu para bekas penanam tembakau beralih kepada tanaman lain termasuk kenaf, Kerajaan menyediakan insentif bernilai RM2,385 sehektar semusim dalam bentuk input pertanian seperti benih, baja dan racun. Selain itu, para pengusaha tanaman kenaf juga disediakan kemudahan jentera pembajakan dan penuaian. Dalam hal ini, jumlah kawasan tanaman tembakau di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis yang telah digantikan dengan tanaman kenaf pada tahun 2012 adalah seluas 174 hektar dan meningkat kepada 240 hektar bagi tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen dan pencapaian dalam memastikan semua bandar dan pekan diberi peluang untuk membina projek perumahan PR1MA dan memanfaatkan golongan yang berpendapatan rendah dan golongan generasi muda yang masih belum memiliki rumah sendiri.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PR1MA diwujudkan untuk menyediakan perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti khusus untuk golongan berpendapatan sederhana. Pembangunan PR1MA ditumpukan di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggiran bandar di seluruh Malaysia. Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM 7,500. Harga rumah yang ditawarkan pula adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

PR1MA menawarkan pelbagai jenis kediaman termasuk pangsapuri studio khusus untuk golongan yang belum berkahwin dan baru memasuki alam pekerjaan. Pangsapuri jenis ini disediakan untuk mengatasi masalah golongan muda yang tidak mampu memiliki rumah besar dan memberi peluang kepada golongan ini untuk mampu memiliki rumah di bandar. Sekiranya pemilik rumah telah berkeluarga dan menginginkan rumah yang lebih besar, unit tersebut boleh dijual semula kepada mereka yang telah mendaftar dengan PR1MA dan belum memiliki rumah PR1MA.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**  
**SOALAN : Dr. Azman bin Ismail meminta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan rasional pihak Kerajaan untuk tidak menghalang Bernas dari dinyah senaraikan dari Bursa Saham Kuala Lumpur.**  
**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Penyenaraian keluar BERNAS dari Bursa Saham telah melalui tatacara dan perundangan yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dan ia tidak bercanggah dengan Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani dengan Kerajaan. Penyenaraian keluar BERNAS dari Bursa Saham tidak memberi kesan ke atas peranan dan tanggungjawab BERNAS dalam Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani bersama Kerajaan kerana:

- (i) Kerajaan telah menetapkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dipatuhi oleh BERNAS.
- (ii) Sebuah Jawatankuasa Pemantauan (Monitoring Committee) yang diadakan dua (2) kali setahun yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Unit Kerjasama Awam dan Swasta, JPM Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Badan Bebas dan BERNAS bertujuan memantau prestasi BERNAS dalam melaksanakan tanggungjawab / obligasi sosialnya.

- (iii) Wakil daripada MOF dan MOA telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah BERNAS bagi memastikan semua keputusan yang dibuat oleh BERNAS adalah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan dan matlamat asal penswastaan.

Secara kesimpulannya, kepentingan dan keselamatan makanan Negara tidak terletak pada status penyenaian keluar BERNAS dari Bursa Saham tetapi perlu dilihat peranan dan tanggungjawab BERNAS dalam memastikan kepentingan semua pihak termasuk petani, pengilang, pemborong dan pengguna diutamakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 1 APRIL 2014 ( SELASA )  
DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia dan sekiranya tidak, apakah faktor-faktor yang menghalang Kerajaan untuk mengambil alih pengurusan rumah pangsa kos rendah, seperti sistem yang diguna pakai di Singapura di mana rumah-rumah pangsa kos rendah dengan unit berharga RM100,000 ke bawah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian berkenaan.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjelaskan bahawa kuasa pengurusan sesebuah bangunan berstrata yang terdapat pada Akta Pengurusan Strata adalah bergantung kepada status pemilikan *proprietorship* dengan izin. Sekiranya bangunan tersebut dimiliki oleh kerajaan seperti flat Projek Perumahan Rakyat (PPR), maka tanggungjawab pengurusan termasuk kebersihan, penyenggaraan lif dan sebagainya terletak di bawah Kerajaan. Tetapi bagi bangunan atau petak yang dimiliki secara persendirian, tanggungjawab pengurusan adalah terletak kepada pemilik-pemilik tersebut. Oleh itu tidak timbul soal kerajaan perlu mengambil alih pengurusan di rumah berstrata milik persendirian.

Dalam situasi bangunan berstrata persendirian, peranan dan tanggungjawab serta penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara kolektif. Proses menjalankan tanggungjawab secara kolektif inilah yang amat penting kerana secara tidak langsung ia mendedahkan dan mendidik rakyat khususnya penghuni bangunan berstrata peranan yang perlu

dimainkan oleh setiap ahli melalui amalan demokrasi seperti mesyuarat agung.

Kerajaan maklum bahawa terdapat bangunan-bangunan berstrata yang gagal diselenggara dengan baik khususnya rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah. Oleh itu, sekiranya terdapat keadaan Badan Pengurusan Bersama/*Joint Management Body*(JMB)/Management Corporation(MC) gagal menguruskan bangunan mereka dengan baik, maka peruntukan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Akta 663) dan Akta Hak Milik Strata(Akta 318) memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan untuk melantik ejen pengurusan mengambil alih kuasa dan tanggungjawab pengurusan sesebuah bangunan berstrata tersebut.

Kerajaan juga sedia maklum bahawa terdapat rumah pangsa kos rendah yang tidak mempunyai tabungan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan mengecat bangunan. Oleh itu kerajaan mewujudkan program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) bagi tujuan memberi bantuan baik pulih rumah pangsa kos rendah dan rumah pangsa kos sederhana rendah milik persendirian dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi kategori Rumah Pangsa Kos

Rendah yang didirikan oleh kerajaan. Pada tahun 2013 sejumlah 97 projek TP1M (RM33.3 juta) dan 56 projek PPP (36.9 Juta) baik pulih telah dilaksanakan di seluruh negara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG**  
**[TEBRAU]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang membantu pusat dialisis pertubuhan-pertubuhan kebajikan mengupah doktor atau jururawat bertauliah agar menjamin mutu perkhidmatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi perhatian serius terhadap mutu perkhidmatan rawatan hemodialisis yang disediakan di pusat hemodialisis swasta termasuk yang dikendalikan oleh badan bukan kerajaan (*NGO*), antara aspek yang ditekankan adalah penyediaan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar (*RMP*) dan staf kejururawatan yang bertauliah. Pada masa yang sama, KKM menyedari terdapat pusat hemodialisis yang tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan bawah Akta 586 dan peraturan-peraturannya terutamanya berkaitan perkara tersebut.

Oleh itu, KKM dengan kerjasama *Malaysian Society of Nephrology (MSN)* telah membuka semula permohonan latihan 200 jam bermula 15 Oktober 2013 sehingga 31 Disember 2013 untuk mengatasi kekurangan Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) dengan latihan 200 jam di pusat hemodialisis swasta (termasuk *NGO*). Sejak latihan tersebut dibuka semula, sebanyak 2 sesi latihan 200 jam telah diadakan, iaitu sesi pertama pada 14 dan 15 Disember 2013 yang melibatkan seramai 56 orang peserta dan sesi kedua latihan pada 22 dan 23 Februari 2014 yang melibatkan seramai 70 orang peserta.

Selain itu, KKM juga telah membuka lebih peluang dengan meningkatkan kuota pengambilan staf kejururawatan dari pusat hemodialisis swasta (termasuk *NGO*) untuk mengikuti latihan pos basik renal yang dikendalikan oleh KKM. Sejak tahun 2012, kuota pengambilan staf dari pusat hemodialisis swasta (termasuk *NGO*) untuk latihan pos basik renal telah ditingkatkan dari 5% kepada 20%. Latihan pos basik renal diadakan sebanyak 2 sesi setahun iaitu pada bulan Mac dan September. Pada tahun 2013, sebanyak 131 tempat telah ditawarkan kepada staf dari pusat hemodialisis swasta (termasuk *NGO*). Walau bagaimanapun, terdapat 44 tempat tidak diisi oleh pihak institusi swasta (termasuk *NGO*). Oleh itu, hanya seramai 99 orang staf dari pusat hemodialisis swasta (termasuk *NGO*) telah dilatih.

Oleh demikian, Kementerian berharap isu berkaitan kekurangan pengamal perubatan berdaftar (*RMP*) dan staf kejururawatan yang bertauliah tersebut dapat diatasi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]**  
**TARIKH : 1.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah benar wujud lambakan graduan pendidikan di pasaran yang belum dilantik dan jika benar, bagaimanakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pelantikan dan penempatan graduan pendidikan dilaksanakan berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi graduan unjuran KPM keluaran tahun 2013 yang berjumlah 15,049, sejumlah 10,275 telah diperakukan untuk dilantikan dan ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Seramai 159 graduan telah gagal temu duga dan tidak layak dilantik berkhidmat sebagai guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki 4,615 yang merupakan graduan pendidikan IPTA sedang ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan sekiranya diperakukan, mereka akan ditempatkan mengikut kekosongan dan keperluan opsyen semasa KPM.

Berdasarkan trend persaraan guru bagi tahun 2014 hingga 2017, adalah dijangka akan berlaku lebihan graduan pendidikan setiap tahun kerana jumlah graduan adalah melebihi jumlah jawatan yang dikosongkan oleh guru yang bersara. Oleh yang demikian, KPM telah memutuskan untuk mengambil pendekatan seperti berikut:

- i) memilih graduan yang terbaik berdasarkan merit, keperluan opsyen dan prestasi semasa temu duga untuk dilantik mengisi kekosongan jawatan yang terhad;
- ii) meletakkan graduan yang tidak berjaya dilantik sebagai calon simpanan untuk tempoh satu (1) tahun dan akan dilantik secara berperingkat-peringkat apabila terdapat kekosongan jawatan; dan
- iii) mempertimbangkan pelepasan kontrak bagi graduan tajaan yang tidak berjaya ditawarkan pelantikan.

Walau bagaimanapun, lebihan graduan yang berlaku adalah untuk tempoh sementara dan dijangka akan selesai pada tahun 2018 apabila bekalan graduan dan kekosongan jawatan berada kepada kedudukan yang seimbang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT**

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]  
TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)  
NO SOALAN : NOMBOR 66

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah tegas Kerajaan dalam menangani masalah perpaduan rakyat Malaysia yang dilihat rapuh dan boleh menimbulkan keretakan hubungan antara kaum dan agama.

**JAWAPAN :**

**Tan Sri Yang Dipertua,**

1. Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.
2. Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan

pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

3. JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilhamkan dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui :
  - a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakkan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiwaan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.
  - b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program *homestay* integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
  - c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1 Malaysia.
  - d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, Internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
  - e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khususnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.

- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama. Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*). Terdapat tiga pendekatan konsultasi dan *engagement* yang dijalankan antaranya ialah dengan mengadakan Dialog Perpaduan di seluruh negara, mengadakan Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion – RTD*), dan mengadakan pertemuan tertutup dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan (*interest group*). Pandangan, cadangan serta syor-syor yang diperoleh dari *engagement* ini akan dijadikan asas untuk menggubal pelan tindakan perpaduan yang lebih inklusif dan komprehensif. Usaha-usaha ini sedang berjalan dan adalah dijangka pelan tindakan ini dapat diselesaikan dalam bulan Jun atau Julai tahun ini.
- g) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- h) Penubuhan Skwad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kehiranan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Tan Sri Yang Dipertua,

4. Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
5. Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]**  
**TARIKH** : **1.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan siapakah yang menyediakan kertas-kertas dalam Bahasa Inggeris peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2013 kerana terhadap banyak kesalahan bahasa dalam kertas-kertas Biologi, Fizik dan Kimia. Nyatakan tindakan yang akan diambil supaya kertas-kertas peperiksaan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia akan menggunakan Bahasa Inggeris dengan betul.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pembinaan instrumen pentaksiran telah dilaksanakan secara profesional dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Dalam penggubalan soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dwibahasa, panelnya adalah terdiri daripada pakar dalam bidang Biologi, Fizik dan Kimia. Panel-panel ini juga mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aspek gaya bahasa penulisan item pentaksiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penterjemahan item pentaksiran telah dijalankan mengikut prosedur piawai menterjemah item iaitu prinsip *back-to-back* dan bukan *direct translation*. Lembaga Peperiksaan juga mendapat pengesahan pembinaan item daripada beberapa badan pentaksiran luar negara melalui *Question Paper Evaluation Committee* (QPEC).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

TARIKH: 1 APRIL 2014

SOALAN:

**Dato' Hasbullah bin Osman [ GERIK ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai seramai 1.24 juta individu di negara ini memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sekaligus membuktikan Malaysia berada pada landasan tepat untuk mencapai sasaran melahirkan 50 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, apakah pelan tindakan yang telah dirangka untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai pada tahun telah ditetapkan.

PR-1321-L60193

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran 50% pekerja mahir daripada keseluruhan jumlah pekerja menjelang tahun 2020. Justeru, pelbagai langkah dan usaha telah dilakukan untuk mencapai sasaran tersebut.

2. Bagi merealisasi hasrat tersebut, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran telah merancang dan melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi di negara ini.

3. Di antara usaha jangka pendek yang telah dilakukan adalah;

a) Promosi SkillsMalaysia

i. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menjalankan kempen secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan menambah baik persepsi terhadap latihan kemahiran di kalangan pelajar yang berpotensi dan ibu bapa mereka. Selaras dengan keperluan RMKe-10, kempen kesedaran SkillsMalaysia di peringkat Nasional telah diumumkan oleh Kerajaan pada 11 Januari 2011 sebagai salah satu daripada 19 aktiviti Program Transformasi Ekonomi (ETP). Objektif *SkillsMalaysia* adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap peluang kerjaya dalam bidang latihan kemahiran dan seterusnya menjayakan hasrat Negara ke arah menjana ekonomi Negara berpendapatan tinggi.

b) Karnival Kemahiran

i. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) juga menyediakan *platform* untuk masyarakat dan memudahkan *access* kepada bidang latihan kemahiran melalui karnival dan ekspo. Sebagai contoh, Karnival

SkillsMalaysia diadakan pada setiap bulan di kawasan atau zon yang telah dikenalpasti iaitu zon Utara, Tengah, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak. Buat julung kalinya KSM melalui JPK menganjurkan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) yang telah diadakan pada 26 hingga 29 September 2013. Dengan penganjuran karnival ini, dapat memberikan gambaran dan pemahaman kepada orang ramai mengenai matlamat dan dasar Kerajaan bagi meningkatkan modal insan yang berkemahiran tinggi di Malaysia. Pada masa yang sama, ia juga memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat secara lebih dekat bidang kemahiran sedia ada selain mempromosi produk dan kursus kemahiran yang ditawarkan.

4. Di antara usaha jangka panjang yang telah dilakukan adalah;

a) Pentaualiahan Pusat-pusat Bertauliah (PB) JPK

i. Sejalan dengan perkembangan ekonomi Negara, Pusat-pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran adalah digalakkan untuk menjalankan program-program latihan kemahiran tahap tinggi. Sehubungan ini, Program Latihan Kemahiran Secara Persijilan Tahap Tunggal (*single-tier*) telah diperkenalkan dengan objektif memberi ruang kerjaya yang luas, memberi peluang keboleherjaan dan pendapatan tinggi serta menyokong pelaksanaan latihan secara fleksibel.

ii. Sehingga Januari 2014, sebanyak 1,902 Pusat Bertauliah telah ditauliahkan untuk menjalankan 5,653 program latihan kemahiran dan pelatih yang berjaya menamatkan program tersebut akan

dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Setakat ini, terdapat beberapa institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan kementerian lain yang menjalankan program-program tahap tinggi antaranya *Japan Malaysia Technical Institute* (JMTI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBTN), Politeknik dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA.

iii. Sejumlah 1.2 juta sijil kemahiran yang merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) telah dianugerahkan kepada calon-calon yang berjaya menamatkan program-program latihan di Pusat Bertauliah JPK.

iv. JPK juga sentiasa mengalu-alukan permohonan institusi latihan kerajaan ataupun swasta untuk ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah JPK serta menjalankan latihan kemahiran berasaskan NOSS tahap tinggi.

#### b) Memperbanyakkan NOSS Tahap Tinggi

i. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) ini merupakan standard yang menjadi penanda aras latihan di sesebuah institusi latihan bagi memastikan setiap pelatih yang tamat latihan mempunyai tahap kebolehkerjaan yang tinggi dalam bidang masing-masing. Justeru, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran sentiasa giat membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sehingga tahap tertinggi. Graduan daripada institusi kemahiran yang mengikuti program latihan

berasaskan NOSS mempunyai pasaran kerja yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan NOSS telah dibangunkan untuk memenuhi standard yang dikehendaki oleh industri. Sehingga Januari 2014, sebanyak 1,458 NOSS telah siap dibangunkan yang mana ia merangkumi NOSS SKM Tahap 1 hingga Tahap 5.

### c) Jaminan Kualiti Program Kemahiran

- i. Bagi menjamin kualiti program yang akan ditawarkan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mewujudkan Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran (KAPPK). Ia digunakan sebagai panduan kepada Pusat Bertauliah di dalam membuat perancangan dan pelaksanaan sesebuah program latihan kemahiran.
- ii. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran juga melaksanakan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah bagi memastikan kesemua Pusat Bertauliah menjalankan latihan kemahiran berasaskan standard dan kriteria kualiti yang ditetapkan.
- iii. Dalam usaha untuk mencapai kualiti kemahiran pada peringkat antarabangsa, Jabatan Pembangunan Kemahiran juga telah mengadakan memorandum persefahaman dan menjalinkan kerjasama dengan badan-badan persijilan serta badan-badan industri dan professional antarabangsa. Antaranya ialah *City and Guilds (UK)*, *Scottish Qualification Agency (SQA)* dan *The Computing*

*Technology Industry Association (CompTIA-USA), London Chamber of Commerce & Industry (LCCI) serta TWI Training & Certification.*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]**  
**TARIKH** : **1.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa SMK Nambayan tidak mempunyai dewan sekolah, bolehkah Menteri Pendidikan meluluskan permintaan daripada sekolah ini untuk membina dewan besar sekolah yang amat diperlukan untuk kegunaan pelajar-pelajar SMK Nambayan, Tambunan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan dewan sekolah bukanlah satu keperluan utama yang mendesak atau *priority* bagi sesebuah sekolah. Bagaimanapun jika memang ada keperluan untuk pembinaan sesebuah dewan, sekolah berkenaan perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berkenaan untuk dikemukakan kepada Kementerian. Dalam konteks SMK Nambayan, Tambunan, pihak Kementerian melalui JPN Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sememangnya mempunyai perancangan untuk membina tambahan bilik darjah termasuk dewan baru di SMK Nambayan dalam RMKe-10 tetapi tidak mempunyai ruang tapak tanah yang mencukupi di sekolah berkenaan. Sehingga kini, pihak PPD masih mencari tapak tanah yang sesuai. Jika masalah ini dapat diatasi, pembinaan dewan yang dihasratkan akan dapat dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG  
[LABIS]**

**TARIKH JAWAPAN : 1 APRIL 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah margin rizab elektrik Malaysia serta kos penjanaan elektrik berbanding dengan negara-negara lain.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Margin rizab elektrik untuk Semenanjung Malaysia telah menunjukkan penurunan daripada 45% pada tahun 2010 kepada 30% pada tahun 2013 dan dijangka akan terus berkurang ke paras 25% pada tahun 2014. Margin rizab elektrik untuk negara-negara lain adalah berbeza mengikut keperluan dan dasar negara masing-masing. Sebagai contoh, Singapura mempunyai margin rizab elektrik melebihi 50%. Bagi negara-negara maju yang lain seperti United Kingdom dan Jepun, margin rizab mereka berada pada tahap melebihi 35%, manakala Taiwan dan Amerika Syarikat berada pada tahap 25%.

2. Kos penjanaan elektrik setiap negara juga adalah berbeza mengikut sumber bahan api, teknologi penjanaan, kecekapan loji dan juga harga bahan api. Berdasarkan kepada harga gas asli domestik baru iaitu RM15.20/MMBtu yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2014, kos penjanaan daripada loji gas kitar padu berada dalam lingkungan 11.50sen/kWj ke 14.60 sen/kWj. Kos penjanaan dari loji gas kitar terbuka adalah lebih mahal iaitu di antara 19.10sen/kWj ke 19.70sen/kWj.

3. Manakala kos penjanaan dari sumber gas cecair asli atau *Liquefied Natural Gas* (LNG), dengan izin, pada harga RM45.90/MMBtu pula adalah lebih tinggi iaitu sekitar 32.10sen/kWj hingga 42.50sen/kWj untuk loji gas kitar padu dan 55.70sen/kWj hingga 59.50sen/kWj untuk loji gas kitar buka. Kos penjanaan dari sumber LNG adalah lebih tinggi kerana bahan api ini adalah diimport dari luar negeri.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Selain daripada sumber LNG, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga mengimport sepenuhnya arang batu daripada luar negara seperti Indonesia, Australia, Afrika Selatan dan Rusia bagi semua stesen jana kuasa arang batu di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan harga arang batu yang terkini iaitu USD87.50/tan, kos penjanaan elektrik bagi loji arang batu adalah sekitar 13.30sen/kWj hingga 13.70sen/kWj.

5. Pihak TNB akan menggunakan bahan api alternatif iaitu *Distillate* dan *Medium Fuel Oil* (MFO), dengan izin, sekiranya berlaku kekangan bekalan gas sepertimana yang berlaku pada tahun 2012 dan 2013. Purata harga bahan api bagi *Distillate* dan MFO pula masing-masing adalah pada RM57.50/MMBtu dan RM47.70/MMBtu. Kos penjanaan elektrik dari 2 sumber bahan api ini adalah paling tinggi, iaitu masing-

masing, pada 59.80sen/kWj hingga 74.20sen/kWj dan 49.70sen/kWj hingga 61.80sen/kWj mengikut kecekapan loji.

6. Ingin saya jelaskan di sini bahawa kos penjanaan elektrik di negara-negara lain adalah berbeza berdasarkan harga bahan api, mekanisma pembelian/import bahan api juga kecekapan loji jana kuasa.

\*\*\*\*\*

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN TEO NIE CHING**  
**KAWASAN : KULAI**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. PUAN TEO NIE CHING (KULAI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kontraktor yang membina Hospital Serdang, projek lain yang dibina oleh syarikat ini dan sama ada tindakan telah diambil terhadap keruntuhan siling.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor utama untuk projek pembinaan Hospital Serdang, Selangor ialah Consortium Ranhill Sdn. Bhd..

Projek dengan harga kontrak sebanyak RM695.9 juta ini telah disiapkan pada tahun 2005. Berdasarkan maklumat direktori Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Consortium Ranhill Sdn. Bhd. setakat ini tidak terlibat dalam pelaksanaan projek-projek awam dan swasta selain dari projek pembinaan Hospital Serdang.

Mengenai insiden keruntuhan siling di hospital berkenaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) dijangka akan memanggil tender bagi tujuan membaiki kerosakan siling di hospital berkenaan, iaitu pada bulan ini (April 2014).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]**  
**TARIKH** : **1 April 2014 (SELASA)**  
**SOALAN** :

**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil bagi meningkatkan jumlah OKU yang diterima masuk dalam perkhidmatan awam. Apakah alasan kegagalan warga OKU diterima masuk ke perkhidmatan awam walaupun kriteria minimum telah ditepati.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam melaksanakan urusan pengambilan penjawat awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) juga mengambil kira dasar Kerajaan yang menggalakkan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk turut menyumbang dalam pembangunan negara melalui penyertaan mereka dalam sektor awam. Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 telah menetapkan supaya sekurang-kurangnya 1% daripada peluang pekerjaan di sektor

awam diperuntukkan kepada warga OKU. Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan untuk untuk membela nasib golongan ini.

Dalam hubungan ini, calon-calon OKU yang mendaftar dengan SPA dan memenuhi syarat skim perkhidmatan berkenaan akan terus dipanggil untuk temu duga. Bagi jawatan yang melibatkan urusan peperiksaan dan penilaian kompetensi, calon OKU yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dikecualikan daripada menduduki peperiksaan yang mana mereka akan terus dipanggil ke penilaian kompetensi dan seterusnya temu duga. Kesesuaian bidang tugas dengan fizikal calon juga turut diambil kira dalam proses pengambilan golongan OKU bagi memastikan tugas yang diberikan tidak akan membebankan fizikal calon.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kegagalan warga OKU diterima masuk ke perkhidmatan awam walaupun kriteria minimum telah ditepati, selalunya adalah disebabkan kesesuaian fizikal calon dengan bidang tugas yang diperlukan oleh kementerian/jabatan. Dalam sesetengah keadaan, fizikal calon menjadi kekangan. Sebagai contoh, bagi skim perkhidmatan penguatkuasaan dan beruniform, pelantikan OKU tidak dapat dilaksanakan kerana memerlukan pergerakan fizikal dan tenaga dalam menjalankan tugas mereka.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2013)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT  
SULONG]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini Binti Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor utama yang lazimnya menyebabkan kelewatan pengeluaran sijil halal di bawah sistem pensijilan halal Malaysia (SPHM) dan apakah purata jangka masa yang diambil untuk mengeluarkan sijil halal daripada tarikh permohonan tersebut diterima.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang terhormat, tempoh proses pengeluaran pensijilan halal yang disasarkan dalam sesuatu permohonan adalah **selama 30 hari bekerja** daripada tarikh bayaran diterima. Secara

keseluruhan, purata jangka masa yang diambil untuk mengeluarkan sijil halal adalah seperti berikut:

- i. **50 hari bekerja dari tarikh permohonan** dilakukan dan menepati syarat iaitu borang permohonan lengkap, bayaran pensijilan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dan tiada notis ketidak akuran dikeluarkan semasa audit pematuhan dijalankan ke atas premis pemohon; dan
- ii. **30 hari tarikh bekerja bayaran pensijilan dibuat** dalam tempoh 14 hari bekerja dan tiada notis ketidakakuran dikeluarkan semasa audit pematuhan dijalankan ke atas premis pemohon;

Walaupun bagaimanapun, terdapat kelewatan pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di bawah sistem pensijilan halal Malaysia dan kelewatan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- a. Pemohon gagal mematuhi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan. Pada tahun 2013, sebanyak 848 daripada 5300 (16%) permohonan ditolak kerana borang permohonan yang tidak lengkap, manakala 206 (3.8%) permohonan ditolak selepas audit pematuhan halal dijalankan di premis disebabkan faktor tersebut. Jumlah tersebut diperolehi adalah hasil daripada laporan ketidak akuran yang dikeluarkan semasa pemeriksaan halal dilakukan ke atas pemohon-pemohon pensijilan halal Malaysia.

b. Kesedaran halal di kalangan industri dan pengguna telah meningkat dan ianya turut menyumbang kepada peningkatan permohonan pensijilan halal di JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berikutan penguatkuasaan APD 2011 dan pelaksanaan permohonan pensijilan halal secara online di seluruh Malaysia. Permohonan pensijilan halal Malaysia yang utama adalah meliputi tujuh skim iaitu:

- i. Produk makanan (Food);
- ii. Produk barang gunaan (Consumer Goods);
- iii. Produk Kosmetik dan Dandanan Diri (Cosmetics and Personal Care);
- iv. Produk Farmaseutikal (Pharmaceutical Products);
- v. Premis makanan (Restoran/ Dapur Hotel/ Katering/ Food Court/ Kiosk);
- vi. Rumah Sembelih (Abattoir/ Slaughter House); dan
- vii. Perkhidmatan Logistik (Logistics)

**Dengan kapasiti sedia ada, peningkatan permohonan dan perluasan skop pensijilan yang mempunyai kompleksiti berbeza ini telah memperlahankan proses pensijilan halal di JAKIM dan JAIN.**

c. Dalam industri halal negara, kebanyakan bahan ramuan yang digunakan diimport dari luar negara. Sekiranya ada keraguan, pihak pemohon perlu mendapatkan maklumat dan pembuktian

halal daripada pengeluar di luar negara. Secara tidak langsung, perkara ini melambatkan lagi tempoh pemprosesan permohonan di JAKIM/ JAIN.

Bagi mempercepatkan proses pensijilan halal, Kerajaan turut menyediakan beberapa inisiatif dengan mekanisme-mekanisme berikut:

- i. Pembangunan **Sistem Halal Verified Engine (HVE)** iaitu sistem semakan sijil pengesahan halal bagi produk yang diimport daripada luar negara dan telah disahkan halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf. Sistem ini telah dibangunkan mulai tahun 2012. Sehingga kini, data sebanyak 85 ribu produk / 13 ribu sijil pengesahan halal boleh didapati daripada sistem berkenaan.
- ii. Pemprosesan segera iaitu **kelulusan sijil halal dalam tempoh 7 hari bekerja bagi permohonan pembaharuan tanpa pertukaran bahan ramuan** atau pembekal dan bayaran pensijilan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja.
- iii. Pemprosesan segera iaitu **kelulusan sijil halal dalam tempoh 7 hari bekerja bagi permohonan kontrak pengilangan (OEM) yang melibatkan produk sedia ada yang telah disahkan halal** dan bayaran pensijilan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**TARIKH : 01.04.2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN berhubung cadangan untuk menutup Kem TUDM serta Lapangan Terbang Tentera Udara Butterworth. Apakah rancangan Kementerian ke atas tanah tersebut, di manakah tapak baru dan apakah kesan ke atas Perjanjian Kuasa Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangement – FPDA*) serta kesiapsiagaan tentera udara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian bercadang untuk memindah Pangkalan Udara (PU) Butterworth dan bukan menutupnya. Cadangan pemindahan PU Butterworth, Pulau Pinang ini secara prinsipnya dipersetujui kerajaan akan dijalankan melalui kaedah “*land swap*” oleh Syarikat LTAT-TSR CAPITAL-PBT JV.**

**Sebagai balasan, pihak syarikat akan membina semula fasiliti Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu, Pangkalan Udara (PU) Butterworth di tanah yang dicadangkan yang masih belum dimuktahirkan. Kesemua persetujuan kedua-dua belah pihak ini akan diputuskan setelah segala cadangan dan persetujuan balas kedua-dua pihak dimuktamadkan.**

**Pemindahan Pangkalan Udara (PU) Butterworth tidak akan memberi sebarang kesan ke atas Perjanjian Kuasa Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangement – FPDA*). Ia hanyalah melibatkan pergerakan *Headquarters Integrated Area***

***Defence System (HQIADS), iaitu unit pelaksana aktiviti FPDA ke lokasi yang baru.***

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]
- TARIKH** : 1 APRIL 2014 (SELASA)
- SOALAN** : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah jam pegawai KADA berada di lapangan dalam menyelesaikan masalah petani. Apakah bukti KADA tidak berkhidmat ala kadar sebagaimana persepsi para penanam padi di Kelantan.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mempunyai enam (6) pejabat cawangan di Jajahan yang melaksanakan tugas pengembangan dan penyampaian kepada golongan sasaran. Enam pejabat KADA tersebut terletak di Jajahan Bachok, Pasir Puteh, Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas. Tugas untuk kerja-kerja pengembangan dan penyampaian perkhidmatan kepada petani dan golongan sasaran dimainkan oleh pegawai dan kakitangan KADA yang berada di Jajahan. Pegawai ini akan berperanan sebagai *frontliners* dan sentiasa berhadapan dengan golongan sasaran untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh petani terutama yang berkaitan dengan penanaman padi.

Sewaktu krisis gangguan bekalan air yang melanda kawasan tanaman padi, para pegawai telah bertugas selama kira-kira 20 jam bertujuan untuk melaksana, memantau, dan memastikan bekalan air dapat disalurkan ke kawasan sawah padi. Setakat ini, KADA telah melaksanakan sistem bekalan air secara berjadual bagi membolehkan bekalan air dapat disalurkan ke keseluruhan sawah padi seluas 19,000 hektar. Selain itu, pam-pam bergerak telah diagihkan dan sumber-sumber air seperti anak sungai dan takungan air juga telah dikenal pasti bagi tujuan untuk menempatkan pam-pam bergerak tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**  
**TARIKH : 1.04.2014 (SELASA)**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme untuk memastikan pengeluar, pengilang dan pemborong (bukan sahaja peniaga akhir) di dalam sesuatu jaringan pembekalan (*supply-chain*) tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh sesetengah pengedar (*distributor*) mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran atau mungkin juga disebabkan oleh aktiviti anti persaingan oleh para peniaga termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dalam menaikkan harga sesuatu barangan dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di seluruh rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membentaras aktiviti anti persaingan ini yang sememangnya jika tidak dibendung ternyata akan memberi kesan negatif kepada para pengguna negara, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah bertungkus lumus menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan bagi membentaras aktiviti anti persaingan oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan usaha MyCC dapat dilihat dengan keputusan penuh dan cadangan-cadangan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengeluar ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pengilang-pengilang ais ini telah bersetuju untuk menaikkan harga sebanyak RM 0.50 bagi setiap beg

tiub ais dan RM 2.50 bagi setiap blok ais. Jika pakatan sesama pengeluar ais ini tidak dibendung ianya ternyata akan memberi impak negatif kepada seluruh rangkaian permintaan produk ais dan akan memberi kesan kepada kenaikan harga makanan dan minuman.

Di samping itu, pihak MyCC juga telah menjalankan beberapa aktiviti penguatkuasaan lain terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini. Ini termasuklah keputusan penuh terhadap Cameron Highlands Floriculturists Association (CHFA) dan beberapa cadangan keputusan lain seperti MAS dan AirAsia bagi perkongsian pasaran, Megasteel Sdn. Bhd. bagi penyalahgunaan kedudukan dominan dan langkah interim terhadap beberapa syarikat lori yang membuat aktiviti penetapan harga.

Selain itu, dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan pemahaman Akta ini, MyCC turut giat menjalankan program-program advokasi secara meluas dan berterusan termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2013, MyCC telah menjalankan sebanyak 97 advokasi/sesi dialog bersama pihak industri, persatuan dan agensi Kerajaan dan program-program seumpamanya akan diteruskan lagi pada tahun 2014. Program-program advokasi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan dan penguatkuasaan Akta ini disamping mengalakkan pematuhan oleh para peniaga (*compliance*).

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**  
**[TANAH MERAH ]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**  
**SOALAN : Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah ] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
 menyatakan setakat ini berapa banyak pasar tani FAMA diwujudkan bagi membolehkan rakyat mendapat harga ikan dan sayur-sayuran dengan harga yang murah.  
**JAWPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga 28 Februari 2014, FAMA telah membangunkan 526 buah pasar tani di seluruh negara dengan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

i.	Perlis	–	35 buah
ii.	Kedah	–	38 buah
iii.	Pulau Pinang	–	10 buah
iv.	Perak	–	26 buah
v.	Selangor	–	68 buah
vi.	Negeri Sembilan	–	28 buah
vii.	Melaka	–	25 buah
viii.	Johor	–	85 buah
ix.	Kelantan	–	51 buah
x.	Pahang	–	43 buah
xi.	Terengganu	–	18 buah
xii.	Sabah	–	35 buah
xiii.	Sarawak	–	46 buah
xiv.	Wilayah Persekutuan	–	18 buah

Bagi memastikan rakyat mendapat bekalan dengan harga yang berpatutan, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian telah melaksanakan Program Jimat Belanja Dapur dengan menawarkan potongan harga antara 5% hingga 20% ke atas 32 jenis komoditi. Kementerian juga telah mengarahkan NEKMAT membuat jualan 9 jenis ikan rakyat di Pasar Tani seluruh negara.